

Bilangan

XXXX

XXXX

XXXX

XXXX

XXXX

XXXX

من ما نزل ولم يغز،  
ولم يجهت لطلبه  
بالغزو، ما تسعده  
الله جنة من الجنة  
حديث شريف



Yang Mulia al-Sayyid Hassan Abbas al-Sharbatly, seorang hartawan dan dermawan dari negara Saudi Arabia yang telah mendermakan wang sebanyak 70,000 ringgit Amerika (lebih kurang 210,000 ringgit Malaysia) untuk membina sebuah masjid Islam yang pertama di Korea Selatan. Beliau berjanji akan menubuhkan pula sebuah madrasah kerana mengajar pelajaran-pelajaran agama Islam di sana. – (Lihat beritanya pada muka 5).

# Qalam

KDN 4244

---

Safar 1389	Mei 1969
Bilangan 223	Harga 60 sen.

---

## Persidangan Islam

Persidangan Islam Antarabangsa telah dibuka dengan rasminya oleh Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong pada hari Isnin 21 haribulan April 1969 yang lalu. persidangan ini diharap tidak sahaja mengambil sesuatu keputusan, tetapi akan melaksanakan juga segala keputusan-keputusan yang diambil di persidangan itu.

Di dalam masa menulis ini, persidangan sedang berjalan. Kita sangat berharap masalah dakwah dibahas dengan meluas oleh negara-negara yang berkenaan, kerana terasa benar di setengah-setengah negeri pendakwah-pendakwah Kristian telah mulai bekerja keras untuk cuba hendak menumbangkan Islam dari akar-akar umbinya sekali.

Barangkali di Malaysia, Kristian tidak dapat berleluasa untuk mengkristiankan orang-orang Islam, kerana adanya undang-undang, bahawa di dalam Malaysia mereka bebas menjalankan agamanya untuk pengikut-pengikut mereka sahaja tetapi tidak dibenarkan untuk menyeru orang-orang Islam, tetapi meskipun demikian seruan-seruan Kristian masih terus berjalan dengan menerbitkan risalah-risalah berbahasa Melayu dengan alasan untuk memperkembangkan bahasa kebangsaan, tetapi oleh kerana bahasa kebangsaan itu adalah bahasa Melayu, tentunya seruan berupa risalah Kristian itu, ditujukan kepada orang-orang Melayu.

Kelemahan dakwah Islam terasa benar di ibu kota ini. Dalam pada itu kita percaya hanya sebahagian kecil sahaja dari bilangan orang-orang Islam yang terpengaruh dengan dakyah-dakyah Kristian yang palsu itu, ini

dapat kita buktikan dengan melihat kepada begitu ramainya umat Islam menunaikan ibadah sembahyang umpamanya di daerah Petaling Jaya yang hanya ada beberapa buah masjid sahaja jika dibandingkan dengan gereja-gereja Kristian yang lebih banyak bilangannya di daerah itu, ini tentu sangat mendukacitakan kita umat Islam, sehingga gereja-gereja terbangun di dalam kawasan Melayu, sedang undang-undang negeri tidak ada kawalan dan pejabat agama tidak mempunyai usaha-usaha tabligh dan dakwah yang sepatutnya ada.

Hal ini lebih mendukacitakan kalau kita memerhatikan perihal umat Islam dan tanggungan umat Islam di Indonesia. Bagaimana lemahnya *missionary* dakwah Islam ke pedalaman. Semuanya berhajat kepada fikiran dan bantuan dari negara-negara Islam yang mampu sedang masalah yang besar ini nampaknya tidak begitu mendapat perhatian dari tuan rumah yang mengadakan sidang yang menjemput negara-negara Islam berunding.

Mudah-mudahan persoalan dakwah ini mendapat perhatian yang wajar semoga dengannya dapat kerjasama baik dalam tenaga, fikiran dan kebolehan untuk menghadapi serangan-serangan dakyah Kristian yang semakin merebak sama ada di benua Asia dan Afrika.

\* \* \*

## Masjid al-Aqsa

Di dalam Persidangan Islam Antarabangsa, perkara atau masalah Islam yang besar, iaitu masalah Masjid al-Aqsa, yang pada mulanya hendak ditinggalkan, tetapi akhirnya didesak supaya dimasukkan di dalam agenda persidangan kerana masalah itu adalah masalah Islam seumumnya – bukan masalah bangsa Arab dengan orang-orang Yahudi sahaja.

Kebanyakan orang-orang dan juga setengah-setengah daripada pemimpin-pemimpin di Malaysia memandang, bahawa masalah Masjid al-Aqsa adalah masalah orang-orang Arab sahaja tetapi sebenarnya perkara ini juga adalah perkara internasional. Pengertian ini orang tertanam dengan

mendalam, sehingga perkara Masjid al-Aqsa dipandang ringan dan tidak sebanding dengan jiwa orang-orang Islam, tanggungjawabnya dipandang hanya sebagai tanggungjawab umat Arab semata-mata – tanggungjawab kebangsaan – tidak tanggungjawab keagamaan.

*Al-hamduli 'Lāh*, adalah disyukuri bahawa boleh dikatakan ahli-ahli sidang hampir-hampir sekata menuntut supaya masalah Masjid al-Aqsa dijadikan salah satu agenda dalam persidangan, kerana ia adalah masalah agama dan Masjid al-Aqsa kiblat yang pertama bagi umat Islam. Mahu tidak mahu tuan rumah yang tadinya mungkin memandang masalah itu melibatkan Malaysia termasuk ke gelanggang politik luar negeri terpaksa menerima, kerana walau bagaimanapun adalah menjadi tugas bagi sesebuah negara Islam dan umat Islam berdiri, berjuang, berjihad mempertahankan Masjid al-Aqsa dengan harta dan tenaganya dan kalau perlu dengan darahnya.

Kita bolehlah mengatakan bahawa selama peristiwa Masjid al-Aqsa berlaku, kerajaan boleh dikatakan hampir-hampir tidak memperdengarkan suaranya langsung menunjukkan simpatinya dalam soal ini, apa lagi menghidupkan semangat rakyat supaya sedar atas tanggungjawab mereka terhadap kesucian Masjid al-Aqsa. Oleh yang demikian, kita berharap sesudah persidangan ini dapatlah kiranya kerajaan menghidupkan semangat rakyat kepada agamanya – supaya dunia luar jangan mengangap, saudara-saudaranya dan memandang rakyat Islam di Malaysia adalah dari golongan rakyat yang tidak mahu mengambil mudah atas hal perjuangan mereka mempertahankan kesucian Masjidil Aqsa yang mempunyai sejarah teragung dalam perkembangan agama Islam.

\* \* \*

#### **Negeri tentera**

Menurut bancian ahli-ahlinya hanya dua buah negeri di dalam dunia ini yang cepat meningkat kemakmurannya lepas

perang ini. Negeri itu ialah negeri yang dahulunya pernah mengalami kekalahan yang teruk di dalam Perang Dunia Kedua iaitu Germany dan Jepun.

Sesudah perang tamat, kedua-dua negara itu menumpukan segenap tenaganya semata-mata kepada kebangkitan ekonomi mereka dan mereka menjauhkan diri daripada mengalatkan kelengkapan perang – apalagi perlumbaan-perlumbaan melengkapkan diri dengan memperbanyakkan senjata. Dengan menumpukan perhatian yang demikian, maka kemakmuran negaranya didapat dan kemewahan penduduknya diperoleh. Jadi usaha dan hasil mahsul negara adalah ditumpukan semata-mata untuk kemakmuran seluruh rakyat.

Tetapi satu perkara yang pelik atas sebuah negara yang kecil seperti Singapura. Singapura tidak ada hasil buminya. Mereka menubuhkan satu pasukan tentera yang tidak kurang dari 50,000 orang banyaknya. Kalau ditaksirkan jangka panjang sebulan tiap-tiap seorang perbelanjaannya dipukul rata tidak kurang daripada \$150/- untuk perbelanjaan sebulan jumlah besarnya ialah 7.5 milion ringgit, ini selain daripada alat-alat senjata yang dibeli untuk keperluan tentera. Akibatnya rakyat juga yang menanggung berbagai-bagai cukai yang berlipat ganda sedang tentera sebanyak itu ke mana hendak ditujukan?

Pulau Singapura adalah pulau yang sempit. Rakyat semakin membiak, keadaan tempat diperlukan. Apakah soal ini menjadi suatu cadangan untuk melangkah dengan mengadakan berbagai-bagai alasan-alasan ke tanah-tanah sempadan yang dipunyai oleh orang lain?

Kemungkinan ini ada, kerana tentera Singapura pelatihnya adalah orang-orang Israel. Penasihat politiknya orang Israel – adakah peristiwa Palestin akan berlaku di selatan Tanah Melayu? Soal ini wajib kita perhati dan perlu dicemburui melihat kepada perkembangan yang ada sekarang ini.

## Seorang Dermawan Saudi Berderma Untuk Dakwah Islam

### Sayed Hassan Al-Sharbatly Telah Menderma Untuk Membina Sebuah Masjid Di Korea Selatan

Islam telah mulai mengembangkan sayapnya ke Korea Selatan. Bumi Korea yang dahulunya tidak pernah didatangi oleh orang-orang Islam untuk bermastautin di dalamnya, kini telah mulai disinari oleh ajaran-ajaran Islam apabila tentera-tentera bersekutu yang dihantar oleh Bangsa-bangsa Bersatu ke sana – di mana di antaranya satu pasukan angkatan tentera Turki yang terdiri daripada orang-orang Islam turut sama berada dalam batalion tentera Bangsa-bangsa Bersatu itu.

Kerana memandangkan kepada tugas agama dan dakwahnya adalah suatu kewajipan yang mesti dipikul oleh tiap-tiap seorang Muslim – ertinya setiap umat Islam wajib memperkembangkan ajaran-ajaran agamanya kepada seluruh umat manusia di permukaan bumi ini, maka saudara-saudara kita tentera-tentera Turki yang terdiri daripada orang-orang Islam yang dihantar ke bumi Korea itu telah mengambil inisiatif memperkenalkan ajaran-ajaran Islam kepada rakyat di negara itu, sehingga daya usaha yang mereka laksanakan itu mendapat kejayaan besar, di mana ajaran-ajaran Islam telah mulai diterima oleh sebahagian daripada rakyat di Korea Selatan, natijahnya dalam peringkat permulaan beratus-ratus orang Korea dengan kerelaan hatinya telah mengisytiharkan diri masing-masing menjadi penganut-penganut agama Islam. Bilangan ini dari suatu masa ke suatu masa kian bertambah, dan kini penganut-penganut Islam di negara itu telah meningkat kepada bilangan beribu-ribu orang banyaknya.

Saudara-saudara kita kaum Muslimin yang baru memeluk agama Islam di Korea

lengkap dengan alat-alat yang diperlukan supaya dapat mereka mempelajari konsep-konsep Selatan itu ada yang pernah datang ke Malaysia sebagai pelajar di Kolej Islam, dan sekarang ada pula di antara mereka yang mengambil kursus berlatih menjadi mubaligh-mubaligh Islam di Pakistan (Karachi).

Yang Mulia Dato' Syed Ibrahim Alsagoff adalah di Antara para pemimpin Islam yang sangat mengambil berat atas soal mereka itu. Kemudiannya dengan usaha beliau terdirilah sebuah masjid kecil di dataran bumi Korea Selatan, tetapi memandangkan kepada semakin bertambahnya bilangan umat Islam di negara itu, maka masjid yang sekecil ini tentulah tidak memadai buat orang-orang Islam di sana mengerjakan ibadahnya.

Oleh yang demikian beliau dalam masa lawatannya ke negeri-negeri Timur Tengah telah mengambil kesempatan membentangkan kepada para hartawan Islam di sana, betapa mustahaknya orang-orang Muslimin yang baharu menganut agama Islam di Korea Selatan itu diberi bantuan untuk menyampaikan cita-cita mereka bagi mendirikan sebuah rumah ibadah Islam di negeri mereka.

Akhirnya usaha-usaha beliau itu berjaya; salah seorang dari para hartawan dan dermawan di Makkah al-Mukarramah yang terkenal dengan sifat pemurahannya – iaitu Sayed Hassan Abbas al-Sharbatly – telah bersetuju untuk menghulurkan dermamanya sebanyak 70.000 dolar Amerika (lebih kurang 210.000 ringgit Malaysia) untuk mendirikan sebuah masjid di Korea Selatan itu, dan kemudiannya hartawan yang dermawan itu berjanji pula akan menderma lagi

untuk mendirikan sebuah madrasah yang dan hukum-hukum Islam dengan lebih meluas dan mendalam.

Yang Mulia Dato' Syed Ibrahim Alsagoff sendiri akan menguruskan sehingga berdirinya masjid tersebut. Beliau akan pergi ke Korea Selatan dalam masa lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke negara itu kelak. Beliau kalau dapat akan memohon kepada pihak kerajaan Korea Selatan sebidang tanah khas di Seoul (ibu negara Korea Selatan) untuk tapak bangunan masjid yang bakal didirikan itu, supaya wang-wang derma yang telah terkumpul dapat dibelanjakan kesemuanya hanya untuk bangunan masjid itu sahaja – tidak termasuk untuk membeli tanah.

Sayed Hassan Abbas al-Sharbatly adalah seorang hartawan Saudi Arabia yang sangat dikenali paling banyak sekali mengeluarkan derma-dermamanya yang dicurahkan untuk kepentingan Islam – sama ada di dalam Hejaz mahupun di luar negeri. Walaupun demikian peribadinya sangat sukar diketahui, kerana beliau berderma adalah semata-mata kerana Allah, nama beliau tidak suka digembar-gemburkan, apatah lagi untuk disiarkan di akhbar-akhbar supaya diketahui oleh umum.

Mudah-mudahan Allah memperbanyakkan bilangan umat Islam yang bersifat dermawan seperti beliau ini dan semoga Allah akan membalaskan segala kemurahan beliau itu dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya yang berlipat kali ganda serta diberikan kepada beliau kesihatan dan kemakmuran di sepanjang usianya. Amin.

# Janganlah Dianggap Şafar Sebagai Bulan Nahas!

Kita sekarang sedang berada di dalam bulan Şafar, iaitu bulan yang kedua bagi tahun Islam (*al-hijriyyah*).

Şafar seperti bulan-bulan yang lain juga – adalah mengandungi peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah pergolakan hidup umat manusia dari zaman purba hingga ke zaman kita ini.

Dari segi sejarah Islam, bulan Şafar ini adalah dianggap sebahagia-bahagia bulan di kalangan keluarga “Banī Hāshim”, lantaran pada bulan Şafar inilah Sītī Amīnah binti Wahab sudah cukup bulan dia mengandungkan Nabi Muhammad (S.A.W); di mana dalam masa sebulan lagi dia menunggu-nunggu kelahiran bayi yang berada di dalam kandungannya itu dengan perasaan bangga dan penuh harapan, semoga anak sulung yang bakal dilahirkannya itu adalah seorang putera yang mirip parasnya menyerupai almarhum suaminya yang telah lebih dahulu berpulang ke alam *baqā’* – semasa bayi yang di dalam rahimnya itu baru dua bulan.

Dalam bulan Şafar inilah beberapa tanda sempena baik mulai dirasakan oleh keluarga “Banī Hashim” yang bakal melahirkan seorang nabi dan rasul pilihan Tuhan untuk menyeru seluruh umat manusia mempercayai ajaran-ajaran yang dibawa oleh satu agama suci yang dinamakan “agama Islam” yang mana dengan berpandukan ajaran-ajaran suci itulah sekalian manusia akan dibimbing ke arah jalan yang benar, jalan yang menuju kepada kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.

(Oleh: Abdul Aziz Al-Murshidi)

## Şafar Bulan Nahas?

Tetapi berlainan sekali dengan anggapan dan kepercayaan yang dianuti oleh setengah dari golongan orang-orang Islam di negara kita. Bila bulan Şafar menjelang tiba, nyata kelihatan keadaan masyarakat Islam di negara ini dalam keadaan muram dan kecemasan, mulai dari hari pertamanya hingga ke akhir Rabunya, mereka kelihatan lebih cermat dan lebih berhati-hati melakukan sesuatu pekerjaan – sama ada di dalam, mahupun di luar rumah – kerana takut ditimpa oleh nahas bulan Şafar kononnya.

Di sepanjang hari dalam bulan Şafar ini anak-anak mereka saban detik dan setiap ketika dipantak telinga-telinga mereka dengan kata-kata berupa amaran dan peringatan: “Jangan bermain-main di tengah jalan, ini bulan Şafar”. – “Baik-baik menyeberangi jalan, ini bulan Şafar”. – “Hati-hati naik dan turun bas, ini bulan Şafar”, dan selain dari ini ada 1001 macam lagi kata-kata peringatan yang mereka berikan kepada anak-anak mereka dengan tujuan untuk

mengelakkan diri dari nahas bulan Şafar yang sangat mereka takuti itu.

Bagi orang-orang dewasa pula, sebelum mereka melangkah kaki keluar dari bendul pintu rumah, kerana ada sesuatu urusan penting di luar rumah yang menyebabkan mereka tak sempat makan atau minum terlebih dahulu – sedang pada masa itu makanan sudah pun sedia tersaji di atas meja, maka dengan sikap yang terburu-buru habislah kesemua makanan yang tersaji itu mereka jamah satu demi satu lantaran takutkan “kempunan” di bulan Şafar. Kalau dalam bulan-bulan yang lain, mereka tak pernah membaca ayat atau jampi serapah waktu hendak melangkah keluar dari rumah, maka di sepanjang hari dalam bulan Şafar ini terkumat-kamitlah mulut-mulut mereka membaca sesuatu ayat atau doa selamat yang khusus mereka hafalkan untuk menjaga diri dari sebarang bahaya atau nahas Şafar yang berlaku di luar rumah.

## Temasya Şafar:

Terutamanya kalau tiba hari Rabu pada minggu terakhir dalam bulan Şafar ini, mereka adakan pula satu upacara “minum air tolak bala” iaitu air yang telah direndamkan di dalamnya sejenis tangkal atau *wāfaq* khas yang mereka namakan *wāfaq* “surat Şafar” yang ditulis atau dicetak di atas kertas-kertas putih atau warna-warni. Kadang-kadang *wāfaq* “surat Şafar” ini ditulis di atas sekeping papan nipis berbentuk bujur atau empat persegi supaya boleh digunakan tiap-tiap tahun:

Selepas itu satu istiadat mandi Şafar pula dijalankan – sama ada istiadat ini diadakan dalam rumah antara kalangan keluarga sesama sendiri ataupun dengan secara beramai-ramai pergi ke tepi-tepi pantai, mencampakkan beratus-ratus helai “surat Şafar” – yang sedikit sebanyak ada mengandungi tulisan-tulisan yang dipetik dari ayat-ayat suci al-Qur’ān – ke atas permukaan air laut; bermandi-mandalah mereka di laut itu dengan bercampur gaul antara lelaki dengan perempuan yang bukan mahramnya. Setelah puas bermandi-manda itu, maka suatu keramaian secara besar-besaran yang dinamakan “temasya Şafar” mereka adakan pula di tepi pantai itu. Acara pokok yang diadakan dalam keramaian “temasya Şafar” ini, ialah tarian-tarian ronggeng atau joget Melayu, di mana antara anak-anak gadis jelita dengan teruna remaja bergandingan bahu, berpimpin tangan menari joget sambil berbalas-balas pantun yang bertemakan seni-seni kata berbentuk asmara:

“ . . . Kalau tidak kerana tuan  
Masakan saya sampai ke mari.”  
“ . . . Buang ibu buang saudara,  
Kerana kasih saya turunkan.”

Temasya ronggeng ini terus-menerus dijalankan hingga larut malam. Semuanya ini mereka lakukan semata-mata dengan tujuan untuk menolak bala yang kononnya diturunkan khas oleh Allah ke atas hamba-hamba-Nya di sepanjang hari dalam bulan Şafar ini. Kalau begitu mudah benar hendak menangkis atau mempertahankan diri dari bala bencana atau nahas bulan Şafar yang dikatakan datang dari Tuhan itu. Tak payah sembahyang dan tak payah berdoa hanya dengan mengadakan satu temasya ronggeng, menari beramai-ramai di tepi laut sudah cukup; akan larilah bala-bala bulan Şafar yang kononnya diperintahkan oleh Tuhan turun ke bumi nyata ini, kembali semula naik ke langit seolah-olah mengadu kepada Tuhan: “Wahai Tuhan kami! Kami tidak berani menjamah tubuh hamba-hamba-Mu yang sedang rancak beronggeng itu.”

Ini baharu sahaja mereka mengadakan temasya menolak bala bulan Şafar itu dengan tarian-tarian “joget atau ronggeng” yang mempunyai gerak-geri lemah gemalai lenggang-lenggok meliuk-melampai. Kalaulah temasya menolak bala ini mereka adakan dengan tarian-tarian “*rock and roll, twist, shake* dan *agogo*” yang berentak kasar, terlompat-lompat terkinja-kinja, terkangkang-kangkang, tergoyang-goyang, tertonggek-tonggek dan terhangguk-hangguk macam kera kena belacan itu, entah macam mana agaknya? Barangkali baharu sampai ke langit yang pertama sahaja, kesemua bala-bala bulan Şafar yang akan turun ke dunia ini terus membuka langkah seribu cabut lari dan naik semula ke langit yang ke tujuh (*lā ḥawla wa lā quwwata illā billāhi al-‘aliyyi al-‘azīm*)

## Majlis-majlis Kahwin Diberhentikan:

Selain dari itu di sepanjang bulan Şafar boleh dikatakan seluruh masyarakat Islam di negeri ini memberhentikan segala majlis-majlis perkahwinan dengan alasan – kononnya – perkahwinan-perkahwinan<sup>1</sup> yang dilangsungkan dalam bulan Şafar ini akan membawa sempena tidak baik, suami

<sup>1</sup> Perkataan yang sebenar ialah perkahwinan-perkahwinan.



isteri sering bergaduh, rumah tangga selalu tak aman dan kucar-kacir yang mana akhirnya berlakulah perceraian. Apabila habis sahaja bulan Şafar, iaitu mulai dari bulan Rabi' al-Awwal hingga membawa kepada bulan Muḥaram – kecuali bulan puasa – maka majlis-majlis perkahwinan itu pun diadakan semula dengan tidak putus-putusnya seolah-olah pada anggapan mereka di sepanjang bulan Şafar itu syariat Islam mengharamkan kaum Muslimin berkahwin.

#### **Azhar Diasaskan Pada Bulan Şafar:**

Di setengah-setengah tempat pula ada di antara orang-orang kita Islam yang melarang mendirikan rumah di sepanjang bulan Şafar ini dengan menganggap rumah-rumah yang didirikan dalam bulan Şafar itu berpuaka, dan orang-orang yang menjadi penghuni rumah-rumah itu kehidupan mereka tidak aman sentiasa diganggu oleh puaka-puaka pengunggu rumah tersebut, gangguan-gangguan dari puaka-puaka itu sama ada dengan cara langsung atau tidak, umpamanya kehidupan mereka seringkali didatangi oleh bermacam-macam penyakit silih berganti.

Padahal jika mereka membaca sejarah Jāmi' al-Azhar – sekarang Universiti al-Azhar – iaitu sebuah universiti yang paling tertua sekali didirikan di dunia ini, (Universiti al-Azhar sekarang telah berumur 1024 tahun Hijrah), maka mereka akan dapati bahawa universiti tersebut telah diasas dan didirikan di dalam bulan Şafar tahun 365 Hijriyyah, tetapi mengapa Universiti al-Azhar itu tidak pun berpuaka? Malahan semakin bertuah, semakin maju ke hadapan mengikuti peredaran zaman dan masih tegak dengan hebatnya hingga ke zaman kita ini, sehingga telah begitu banyak sekali mengeluarkan para ulama yang terbilang, para pejuang yang gagah berani, para pemimpin yang tahan uji, para pujangga yang terkenal, filsuf dan para

intelektual Islam yang bertaburan di merata-rata ceruk rantau dunia pada hari ini.

Yang lebih aneh lagi ada pula di antara orang-orang Islam yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang dilahirkan dalam bulan Şafar ini kurang tuahnya, dan di sepanjang hidupnya sentiasa dirundung malang. Seolah-olahnya mereka menganggap bahawa tuah dan malangnya seseorang manusia itu bergantung kepada bulan ia dilahirkan ke alam dunia ini. Adakah kepercayaan yang karut-marut seperti ini boleh kita percayai?

#### **Kesimpulan:**

Jadi kesimpulannya, ada di antara beberapa golongan masyarakat Islam di negeri kita ini menganggap dan mempunyai kepercayaan bahawa Şafar adalah satu bulan sial, bulan pantang larang dan bulan yang pada keseluruhannya diturunkan nahas dan malapetaka. Entah dari mana sumber-sumber kepercayaan karut ini mereka dapati dan siapa pula yang telah mengajar mereka segala khurafat-khurafat palsu dan iktikad-iktikad yang dikatakan asal punca terbitnya dari ajaran-ajaran Islam itu? Padahal di dalam kitab suci al-Qur'ān dan *ḥadīth al-Nabawī* tidak ada didapati walau satu kalimah jua pun yang menerangkan bahawa bulan Şafar ini adalah bulan yang mengandungi nahas, ataupun bulan khas masa Tuhan menurunkan bala bencana ke atas hamba-hamba-Nya di muka bumi ini. Dengan kepercayaan ini adakah mereka menganggap bahawa Tuhan itu bersifat zalim hendak memusnahkan sesuatu golongan manusia dengan cara yang sebegitu kejam?

Sungguh zalim sekali orang-orang yang menganggap bahawa bulan Şafar yang mulia ini adalah satu bulan pembawa bencana, satu bulan yang dipenuhi dengan beraneka malapetaka. Sedangkan sejarah pergolakan hidup umat manusia dari sejak zaman bahari hingga ke zaman Apollo dan Soyuz ini banyak yang membuktikan tentang



kemuliaan bulan Şafar ini, ia tidak boleh diperbeza-bezakan dengan bulan-bulan lain. Mengapa umat Islam di negara kita ini sahaja yang mempunyai iktikad kepercayaan yang sekarut ini, sedangkan umat Islam di negara-negara lain tidak pernah kita dengar mereka melakukan istiadat dan “temasya Şafar” seperti yang dilakukan oleh masyarakat Islam di Malaysia ini dari sejak zaman-berzaman? (Kalau ada pun barangkali di setengah-setengah negara yang terletak di dalam kawasan tenggara Asia ini – P.)

### **Bulan-bulan Suci:**

Cuma di dalam surah al-Tawbah ayat (37) ada Tuhan menerangkan, diantara 12 bulan yang dijadikan-Nya itu, ada empat bulan sahaja yang dinamakan “*al-Ashhur al-Hurum*”, ertinya: “bulan-bulan suci”. Sebab dalam masa “bulan-bulan suci” yang empat itu, Tuhan melarang kaum Muslimin – di zaman Rasulullah – melakukan pertumpahan darah, dan segala peperangan yang berlaku di dalam bulan-bulan tersebut hendaklah diberhentikan sama sekali. (\*) Dalam ayat ini Tuhan tidak ada sekali-kali mengatakan bahawa sebanyak 12 bulan yang dijadikan-Nya itu ada di antaranya satu bulan yang membawa nahas dan mengandungi malapetaka. Kalau begitu sungguh berani benar mereka menambah menokok ayat-ayat Tuhan dengan mengatakan bulan Şafar itu adalah satu bulan yang dihaskan oleh Tuhan untuk diturunkan bala bencana kepada umat manusia pada setiap tahun.

Tidakkah mereka memperhatikan pergolakan hidup umat manusia yang ditimpa oleh bala bencana itu tidak tertentu hanya di dalam bulan Şafar ini sahaja? Dalam bulan apakah berlakunya Peperangan Dunia Pertama dan Kedua yang telah mengorbankan bermilion-milion jiwa

manusia itu? Dan dalam bulan apa pula meletusnya Peperangan Vietnam dan Peperangan Timur Tengah yang hingga ke masa ini terus-menerus bergolak dengan hebatnya, sehingga pada setiap hari beratus-ratus nyawa manusia yang terkorban? Perhatikanlah sejarah pergolakan dunia yang sedang terbentang di hadapan mata kepala kita pada hari ini, dan kemudian fikirkanlah dengan menggunakan fikiran yang waras berdasarkan kenyataan!

Kita berharap semoga dengan tulisan kita yang merupakan satu kritik ringkas berdasarkan pembinaan yang bertujuan untuk mengikis iktikad kepercayaan karut yang sedang tertanam dengan begitu mendalam di jiwa segolongan masyarakat Islam di negara Malaysia yang sedang membangun dan menuju ke zaman pembaharuan ini, akan mendapat perhatian yang sewajarnya dari seluruh anggota masyarakat. Setengah dari golongan-golongan penganut-penganut Islam di negeri ini sudah terlalu lama dikhayalkan oleh perkara bid'ah dan khurafat-khurafat palsu yang tidak ada kena-mengena sama sekali dengan ajaran-ajaran Islam yang suci. Sekarang sudah sampailah masanya kita mesti kembali kepada ajaran-ajaran agama kita yang tulen sejati demi untuk menyesuaikan kehidupan kita di alam baharu berdasarkan revolusi mental yang sedang dilancarkan oleh pemimpin-pemimpin kita di hari ini.

Mudah mudahan mulai dari tahun ini “temasya-temasya Şafar” yang sama sekali tidak mendatangkan keuntungan kepada agama, negara dan bangsa kita itu tidak akan diadakan lagi buat selama-lamanya oleh masyarakat Islam di negara kita ini. Inilah harapan kita dan kepada Allah kita sekalian memohon hidayah dan taufik.

---

\* Menurut ulama tafsir, yang dimaksudkan dengan “bulan-bulan suci” dalam surah al-Tawbah ayat (37) ini, ialah bulan-bulan: Muḥaram, Rajab, Dhu al-Qa'idah dan Dhu al-Hijjah. (lihat *Tafsir Qur'an* susunan H. Zainuddin Hamidi muka surat: 270).

# Kesan-kesan Hijrah *al-Rasūl* Di Dalam Masyarakat Moden

(II)

(Oleh: Dr. Muhammad Khalifah)

Sebagai menyambung kajian mengenai “kesan-kesan Hijrah *al-Rasūl* Di Dalam Masyarakat Moden” yang telah kita siarkan bahagian pertamanya pada bulan yang lalu, maka dalam makalah ini penulisnya akan membentangkan dua perkara lagi dari kesan-kesan hijrah itu. Kesan yang pertama ialah: “terbentuknya sebuah negara Islam yang maju” dan kesan yang kedua: terlaksananya pembinaan masyarakat Islam yang konkrit.”

Kedua-dua kesan ini amat penting sekali dikaji demi untuk dijadikan panduan bagi kita umat Islam yang sedang hidup berkecimpung di dalam suatu zaman moden yang dipenuhi dengan cara dan tatasusila baharu yang sebahagian besarnya berlainan sekali dengan tatasusila hidup yang telah diatur dengan begitu rapi oleh Islam. Dan ada di antaranya lantas bertentangan sama sekali dengan ajaran-ajaran suci yang dibawa oleh Islam. Seterusnya ikutilah kajian ini dengan penuh minat. – Pengarang.

(Alih bahasa: Oleh Abdul Aziz al-Murshidi)

### 3. Negara Islam yang kuat dan maju:

Setelah Rasulullah (S.A.W) berhijrah ke Madinah, maka kota suci itu dijadikan sebagai pusat melancarkan “dakwah Islam” ke seluruh ceruk rantau semenanjung tanah Arab, yang mana kemudiannya tugas dakwah itu diperluaskan ke seluruh dunia pada zaman Khulafa’ al-Rasyidin. Kesan-kesan dakwah *Islāmiyyah* yang dilancarkan dari Kota Madinah itu menjadikan kota suci Islam yang kedua itu tempat tumpuan para pelajar yang datang dari seluruh negeri, kota-kota dan desa-desa yang jauh.

Kemudian daripada tamatnya mereka menuntut ilmu pengetahuan agama dan keduniaan yang mereka perlukan, maka mereka pun pulanglah ke tanah air masing-masing menaburkan ilmu pengetahuan yang mereka perolehi itu kepada seluruh anggota masyarakat sebagai satu daripada saluran berjihad di jalan Allah. Dengan ini juga terkenallah Kota

Madinah sebagai pusat sumber berkembangnya seruan Islam ke seantero dunia, dan juga sebagai pusat pengajian tinggi Islam di mana sebahagian besar dari bilangan pembawa risalah Tuhan bermastautin di dalamnya.

Mereka telah melupai tanah tumpah darah asal mereka, bila mana mereka mendapat layanan begitu mesra dari bumiputeranya yang benar-benar tertanam di dalam jiwa mereka rasa persaudaraan Islam yang dinamakan: “*Ukhuwwah Islāmiyyah*”, merapatkan antara jasad dengan jasad dan mempereratkan ikatan rohani yang tak mudah diungkai dirombak oleh kata-kata pesona dan asutan-asutan yang meracun jiwa, demi untuk meruntuhkan perpaduan umat Islam. Perpaduan yang hanya berdasarkan “*ukhuwwah*” atau “persaudaraan” tidak akan tercapai kalau teras perpaduan tidak disemaikan dengan ikatan “akidah tauhid” yang mendalam. Bilamana ikatan “akidah tauhid” telah tertanam di lubuk hati

## Kesan-kesan Hijrah *al-Rasūl*..

seseorang Muslim dan Muslimah, maka di kala itu dengan sendirinya ikatan “*ukhuwwah Islāmiyyah*” akan terjalin dengan lebih teguh dan konkrit, di saat itulah manusia akan berjaya membentuk sebuah “masyarakat Islam” yang aman damai, hidup saling bantu-membantu dan kasih-mengasihi antara satu dengan lain, berjuang berpimpin tangan, berganding bahu untuk melaksanakan cita-cita Islam dan memperkembangkan risalah sucinya.

#### 4. Pembinaan masyarakat Islam yang konkrit:

Dari sejak berada di Makkah lagi baginda Rasulullah (S.A.W) telah berjaya membina sebuah “keluarga Islam” yang kecil dan terbatas bilangannya – yang kemudiannya kian membesar menjadi sebuah “masyarakat Islam” yang agung dibangun oleh orang-orang Islam yang terdiri daripada lapisan masyarakat bangsawan, hartawan, hamba abdi, rakyat marhaen, lelaki dan perempuan. Dalam sebuah masyarakat yang seadil inilah mereka menamakan semangat “gotong-royong” bantu-membantu memperjuangkan kemuliaan masyarakat serta mempertahankannya dari dinodai oleh musuh sama ada musuh itu dari luar mahupun datangnya dari golongan masyarakat itu sendiri.

Emosi kasih sayang begitu mendalam yang tercipta di dalam masyarakat Islam di zaman Rasul dan sahabat telah dibuktikan dengan secara amal (praktikal) oleh Saiyidina Abū Bakr (r.a) ketika beliau membeli seorang hamba Habsyi yang berkulit hitam iaitu Bilāl bin Rabāh dari tuan yang memilikinya dengan harta yang paling tinggi, kemudian Bilāl dimerdekakan dari belunggu perhambaan dan melepaskannya dari seksaan

cabuk<sup>1</sup> (cemeti) yang mengoyakkan kulit dan mencekut daging-daging pejal dari tubuh Bilāl yang gempal berisi itu.

Bukti dari emosi kasih sayang yang telah ditunjukkan oleh Saiyidina Abū Bakr buat kali keduanya ialah di waktu beliau melepaskan leher Rasulullah (S.A.W) ketika dicekik oleh kaum kafir Quraisy beramai-ramai hingga merah kedua mata baginda di sisi *Bayt Allāh al-Harām*, di mana kemudiannya beliau telah bertempik dengan sekuat-kuat suaranya: “Adakah kamu akan membunuh seorang lelaki yang hanya berkata: ((Tuhanku Allah?))

Apabila Rasulullah (S.A.W) sampai sahaja ke Kota Madinah, maka tugas pertama yang baginda lakukan ialah membina sebuah “masyarakat Islam” yang teguh dan konkrit. Orang-orang Muslimin yang terdiri daripada kaum Anṣār dan Muhājirīn baginda tanamkan ke dalam jiwa mereka emosi “persaudaraan” yang mendalam, sehingga seorang Anṣār menganggap seorang Muhājirīn itu sebagai saudara kandungnya, ia diajak tinggal bersama-sama di rumahnya, dilayan dengan sehabis-habis hormat, disediakan makan minum dan pakai patut dengan secukupnya serta keselamatan hidupnya dijamin pula. Dengan emosi “persaudaraan” yang begitu mesra, menyebabkan orang-orang Muhājirīn yang datang dari Makkah tidak merasakan diri mereka sebagai orang dagang yang hidup menumpang di sebuah negeri asing, segala pahit getirnya menjadi orang dagang perantauan tidak pernah dirasakan oleh orang-orang Muhājirīn, malahan mereka menganggap Kota Madinah adalah tanah tumpah darah tempat mereka dilahirkan, ataupun merupakan tanah air mereka yang baharu.

Demikianlah berkembang dan membesarnya “masyarakat Islam” yang teguh dan konkrit dari suatu masa

<sup>1</sup> Juga dikenali sebagai cambuk.

### Kesan-kesan Hijrah *al-Rasūl*..

ke suatu masa iaitu masyarakat yang mempunyai prinsip dan berdasarkan “akidah” yang satu di bawah pimpinan seorang Rasul pilihan yang bijaksana dan para sahabatnya yang berjiwa progresif, jujur dan ikhlas, sehingga Saiyidina ‘Umar al-Khaṭṭāb menganggap dirinya seorang Islam yang bertanggungjawab di hadapan Allah dan bertanggungjawab pula di atas setiap anggota “masyarakat Islam” yang telah diciptakan oleh baginda Rasulullah (S.A.W). Dengan adanya perasaan tanggungjawab yang tertanam di jiwa beliau, maka beliau lantas bercita-cita untuk menjadikan masyarakat Islam yang sekecil itu, yang hanya dianggotai oleh penganut-penganut Islam di sekitar semenanjung tanah Arab, menjadi sebuah “*wahdah Islāmiyyah*” – persatuan Islam – yang meliputi alam jagat.

Untuk melaksanakan cita-citanya yang semulia ini, beliau haruslah bekerja keras menjadikan setiap individu muslim mempunyai emosi bertanggungjawab yang penuh bagi memperkembangkan siaran-siaran Islam kepada setiap umat manusia yang berada di seluruh pelusuk alam. Di samping itu beliau harus pula menegakkan sebuah “badan sosial” yang dianggotai orang-orang Islam yang pernah ke luar negeri menjalankan perniagaannya serta luas pergaulannya dengan penduduk-penduduk negeri yang dikunjunginya. Di jiwa mereka itu harus pula ditanamkan semangat sukarela menjalankan dakwah *Islāmiyyah* ke luar negeri tanpa mengharapkan sebarang faedah diri.

Sebagai langkah pertama yang beliau jalankan ialah mengutus mubaligh-mubaligh Islam ke luar negeri, yang mana mubaligh-mubaligh itu dibenarkan membawa barang-barang dagangan mereka sebagai saudagar-saudagar yang datang dari semenanjung tanah Arab.

Mana-mana mereka yang tidak ada modal beliau keluarkan wang dari Baitulmal untuk dijadikan modal sementara, manakala mereka pulang dengan membawa keuntungan, maka wang modal yang telah diambil dari Baitulmal itu dikembalikan semula, dan wang keuntungan yang didapati itu dijadikan modal baharu. Inilah cara dakwah yang dilaksanakan oleh Saiyidina ‘Umar selama beliau memegang teraju pemerintahan sebagai Khalifah yang kedua dalam Islam. Pada masa saudagar-saudagar yang diutusnya ke seluruh dunia itu akan berangkat ke luar negeri, beliau berpesan kepada mereka dengan mengatakan: “Saya tidak mengutus tuan-tuan ke luar negeri sebagai saudagar, malahan saya utus tuan-tuan sebagai *muballighīn* dan mahaguru.”

Akhir sekali kita tidak melupai akan jasa-jasa yang telah dilaksanakan oleh Saiyidina ‘Uthmān terhadap perkembangan Islam, kita tidak boleh memperkecil-kecilkan pengorbanan Saiyidina ‘Uthmān memperlengkapi angkatan-angkatan perang mujahidin yang berjuang dari sejak zaman Rasulullah hingga ke zaman beliau menjadi Khalifah Islam, dengan kuda-kuda peperangan yang tangkas dan alat senjata, dan selain dari itu berapa banyak pula beliau telah membelanjakan harta bendanya menolong kaum Muslimin yang hidup papa dan menderita serta menjalankan rancangan-rancangan yang difikirkannya perlu demi untuk kepentingan agama Islam dan penganut-penganutnya di zaman itu. Saiyidina ‘Uthmān adalah salah seorang khalifah Islam yang telah berjaya membina masyarakat Islam yang teguh dan konkrit.

Inilah kesan yang ke empat dari kesan-kesan yang kita dapati dari peristiwa “hijrah Rasul” ke Kota Madinah yang banyak sekali mengandungi pengajaran-pengajaran dari segi pentadbiran, pengorbanan, kesabaran, kuat cita-cita dan memperluaskan cara-cara sosial yang dituntut oleh

## Kesan-kesan Hijrah *al-Rasūl*..

Islam bagi menegakkan sebuah masyarakat Islam yang teguh, kuat, dan bersopan santun mengejar kemajuan yang menuju kepada kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Semuanya ini harus kita peringati dan kita jadikan contoh tauladan untuk membina sebuah masyarakat Islam di zaman moden yang tidak mempunyai asas-asas yang teguh, hingga ia merupakan sebuah sarang labah-labah yang terumbang-ambing ke sana ke mari ditiup angin datang dari segenap penjuru alam.

### Ulasan sepintas lalu dari penterjemah:

Bagi kita seluruh umat Islam, wajiblah bersyukur ke hadrat Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* yang telah melepaskan Nabi Muhammad, para sahabatnya dan sekalian umat Islam daripada penindasan-penindasan kejam yang dilakukan oleh *kuffār* Quraisy Makkah terhadap mereka dengan melalui peristiwa Hijrah ini, sehingga sekalian umat Muslimin yang di bawah pimpinan Rasulullah (S.A.W) berkesempatan mengadakan persiapan, membentuk barisan dan menyusun tenaga baharu orang-orang Islam yang bersatu padu, berjiwa persaudaraan yang saling bantu-membantu di dalam sebuah masyarakat baharu yang teguh, kukuh dan konkrit<sup>2</sup>. Maka dengan tenaga barisan persatuan Islam yang kukuh ini Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* dengan dibantu oleh para sahabatnya, berjaya membentuk sebuah negara dan kerajaan Islam yang gagah perkasa, berpusat di kota suci Makkah al-Mukarramah di mana di atas persada datarannya lah nur Islam mulai memancarkan cahayanya yang gilang-gemilang ke seluruh pelusuk alam jagat.

Dengan semangat perpaduan yang telah ditanamkan oleh Junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) ke dalam dada setiap kaum Muslimin inilah Islam kian hari kian berkembang sehingga berjaya menumbangkan dua buah kerajaan yang terbesar di zaman itu, iaitu kerajaan Rom dan kerajaan Parsi, seterusnya pada zaman para Khulafā' kerajaan Islam terus berkembang menguasai beberapa buah negara-negara di sebelah Timur dan Barat hingga sampai ke Tanah Sepanyol (Spain) sebagai benteng kerajaan Kristian yang terkuat sekali di zaman itu.

Tetapi hari ini, jika kita memalingkan muka kita ke kiri ke kanan, ke hadapan dan ke belakang, dan timbullah dengan sendirinya emosi ingin bertanya:

\*Ke manakah lenyap kegagahan, kekuatan dan keagungan Islam yang telah dibina oleh Rasulullah, para sahabat dan Khulafā' Islam di zaman silam itu?

\*Ke manakah hilangnya cahaya sinaran Islam yang selama ini menerangi alam sejagat yang gelap gelita, diselubungi oleh kabus kejahilan yang menjerumuskan penghuninya ke jurang kesesatan yang nyata?

\*Ke manakah ghaibnya obor Islam(\*) yang telah 14 abad lamanya diserahkan ke dalam genggam tangan umat Islam untuk memandu mereka keluar dari lembah kegelapan yang hitam pekat menuju ke benua yang terang bercuaca?

### Jawabnya:

\*Kegagahan umat Islam telah hancur, kekuatannya telah menjadi lemah dan keagungannya telah musnah, gara-gara dari pecahnya “perpaduan tulen” di antara umat Islam.

---

\*Obor Islam yang saya maksudkan di sini ialah al-Qur'an al-Karim dan al-ḥadīth al-Nabawī.

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah konkrit.

## Kesan-kesan Hijrah *al-Rasūl*.

\*Cahaya Islam tidak hilang, malahan ia tak mungkin lenyap buat selama-lamanya, tetapi ia hanya dilindungi oleh kekotoran dosa-dosa yang dilakukan oleh umat Islam sendiri, ditutupi oleh perbuatan-perbuatan durjana, derhaka dan zalim yang mereka lakukan dengan terang-terangan dan maharajalela.

\*Obor Islam masih tetap hingga ke hari ini menjadi hak milik kepunyaan umat Islam, ia tidak ghaib, hanya obor itu dikesampingkan ke tepi oleh umat Islam, ia tidak dipegang dan tidak terenggam lagi di tangan mereka. Oleh itu hidup mereka meraba-raba mencari obor-obor baru yang diciptakan oleh manusia yang sejenis dengan mereka, sedang obor-obor ciptaan manusia itu bukan merupakan sebuah obor yang tulen dan asli, sumber cahaya yang terpancar dari obor lencongan bikinan manusia itu, tidak akan boleh memandu mereka menuju ke pintu gerbang kebahagiaan hidup dunia akhirat, malahan mereka disuluh menuju ke jurang larangan yang bakal mencelakakan diri mereka sendiri.

### **Ingatlah!**

Selagi umat Islam leka dan lalai diayuni gelombang hidup bernafsu-nafsi, selagi mereka tidak mahu berusaha mengembalikan “persatuan” dan “perpaduan” mereka yang telah runtuh itu, maka selama itulah mereka akan menjadi suatu umat yang paling lemah di dunia ini.

Selagi umat Islam dengan galak melakukan perbuatan-perbuatan dosa dan maksiat-maksiat yang melanggar perintah Allah dan rasul-Nya, serta meninggalkan amal kebajikan yang

diperintahkan ke atasnya, maka selama itulah hati mereka gelap gelita, tak dapat ditembusi oleh cahaya iman, tanpa mendapat pertunjuk dan hidayah ke jalan yang benar dari Allah *Subhānahu wa Ta’ālā*.

Dan selagi obor Islam masih mereka kesempitan tidak mahu diambil kembali, dipegang digenggam dengan erat dan dinyalakan untuk dijadikan penyuluh hati-hati yang gelap menghitam, maka selama itulah hidup mereka di mayapada ini terumbang ambing dibawa oleh arus hawa nafsu yang bakal menjerumuskan mereka ke lembah kehinaan dan masa depan mereka akan menjadi hancur musnah.

Oleh itu sambil kita memohon pertunjuk dan hidayah dari Allah *Subhānahu wa Ta’ālā*, marilah kita bangkit serentak menyusun tenaga, bergerak cergas berbimbing tangan, bahu-membahu untuk membina kembali “persatuan” dan “perpaduan” kita seluruh umat Islam, agar kita kembali menjadi satu umat yang kuat, gagah dan agung untuk menghadapi segala cabaran dan angkara mereka yang didatangkan oleh musuh-musuh kita dari segenap pihak dan penjur. Kalau tidak kita sendiri yang mahu mengubah nasib hidup kita di dunia ini, siapa lagi yang kita harapkan untuk mengubahnya? Sedang Tuhan sendiri menegaskan, yang ia tidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa atau umat itu, melainkan bangsa itulah yang mesti mengubah nasibnya sendiri.

Insafilah jika kita mahu insaf!

### **Kata-kata Hikmah**

Biarlah dimaktubkan bagi beta mati sebagai seorang syahid di dalam jihad *sabīl Allāh*.

(Al-Malik Faisal).

# Sajak

## Musafir dan Pelayaran

Di luar sebuah khemah using  
Yang menutup pasir luas terhampar  
Seorang tua bermenung sendirian  
Menikmati malam bulan mengambang.  
    Pandangannya meniti di kejauhan sahara  
    Ke daerah subur tempat lahir ke dunia  
    Entah berapa batu dari sungai Jordan ini  
    Yang sekarang terpaksa ditinggalkan  
    Walau hati berkaca luka.  
Meski samar bulan diliputi awan  
Masih jelas lagi di ruang matanya  
Tanah Palestin yang indah permai  
Desa *wasaf* yang aman tenteram  
Nisan-nisan nenek moyang nan memutih bersih  
Dan nun jauh di sana  
Masjid al-Aqsa yang suram  
Tiada lagi suara azan  
Mengimbau dari menaranya.  
    Betapa besar seorang musafir  
    Merasa pahit hidupnya  
    Tak sampai sesuku dari apa yang ditanggungnya  
    Kerana amat ternyata dari air muka  
    Yang begitu muram, begitu duka nestapa  
    Bagai kehilangan anak isteri nan dicinta.  
“Oh, tanah airku Palestin  
Dan Masjid al-Aqsa sanjungan umat Islam  
Kini engkau tiada lagi di sisiku . . .  
Tapi,  
Demi kebenaran dan keizinan Tuhan  
“Kami akan datang kembali”  
Begitu gelora dalam hatinya  
Yang demikian pilu  
Meruntun jiwa seorang musafir.”

**Ahmad al-Amadi**  
Bagan Serai, Perak.

## Atas Kurnia yang Dijanji

Atas kurnia yang dijanji  
Kita berjuang sampai pagi  
Biar zionis hilang bumi  
Hak milik kita kembali.  
Muslimin Mukmin tidak menanggung satu hari  
Ayuh kita pergi  
Ke dalam api  
Menang atau mati  
Kita tidak mengaku lagi.  
Demi wajah Tuhan yang bercahaya dalam hati  
Memasak jiwa jadi besi  
Nafas kita seantero bangun kembali  
Membela hak hakiki  
Yang dirogol tengah hari.  
Ayuh bangun Muslimin sejati  
Menentukan kurnia yang dijanji  
Berjihad sampai mati  
Atau menang terus berbakti.

**M. Jusoh Taib**

Gual Periok,  
Kelantan.



# Kedudukan Masyarakat Islam Di Tanah Air

Sekiranya kita buka kembali lembaran sejarah negara kita, agama Islam dikatakan mula bernafas kira-kira

di dalam abad yang keempat belas. Dan berpandukan dengan abad ini bermaknalah agama Islam itu telah menyedut hawa bumi

negara ini lebih kurang enam abad lamanya. Dari segi usia alam, zaman tersebut tidaklah lama, tetapi kalau

dibandingkan dengan umur kita manusia memanglah masa enam abad itu terlalu lama, iaitu boleh dikatakan sepuluh atau

sebelas generasi telah datang dan pergi silih berganti.

(Oleh: Luqman Abdul Rashid)

## **Bangsa-bangsa yang Maju:**

Yang menarik perhatian di sini, ialah tentang bangsa-bangsa lain yang datang berdagang ke negeri kita ini boleh mencapai mercu kemajuan hidup di dalam jangka satu atau dua abad. Di sebelah Timur ini contohnya ialah Jepun. Kemajuan bangsa Jepun hari ini telah begitu tinggi hasil dari penat jerih dan perjuangan-perjuangan yang mereka laksanakan dengan tidak putus-putus dalam masa kira-kira satu abad sahaja. Demikian juga negara-negara Barat yang agak lebih lama berusaha berjuang dari bangsa Jepun untuk mencapai taraf kemajuan mereka yang terdapat di hari ini, iaitu bermula dari abad yang keenam belas dengan melalui zaman-zaman gelora seperti pemberontakan Perancis, pemberontakan Amerika dan lain-lain.

Bangsa Arab yang lebih lama menjadi penganut agama Islam itu menjadi suatu bangsa yang bertamadun, serta pemerintahan Islam telah tersebar luas ke Barat dan ke Timur hanya kira-kira dalam masa seratus tahun dari wafatnya Nabi Muhammad (S.A.W) pada (tahun Masihi 632).

Meneliti yang demikian itu, bangsa kita yang telah wujud berabad-abad lamanya apakah kemajuan yang telah kita capai?

Sebagai yang telah dikatakan tadi bahawa agama Islam mula bernafas di negara kita ialah di dalam abad yang keempat belas. Di sini juga timbullah suatu soalan iaitu:

Adakah agama Islam datang ke negara kita di masa zaman keemasan empayar Islam atau zaman Islam menghadapi keruntuhan?

Biarlah kita ambil catitan para ahli sejarah iaitu dari sejak zaman kemuncak kegemilangan Islam, ialah di masa Khalifah Hārūn al-Rashīd di dalam zaman pemerintahan ‘Abbāsiyyah (abad kedelapan). Di sini nyata sekali bahawa di masa generasi kita dahulu yang mula-mula memeluk agama Islam di dalam keadaan Islam mulai berada di ambang pintu keruntuhan.

## **Kemunduran Bangsa Melayu:**

Tidaklah kita hairan sekiranya “Al-Burqrque” ketua pejuang Portugis ke Timur menyerang dan menawan Melaka di dalam tahun Masihi 1511, iaitu sebagai melanjutkan perjuangan bangsa-bangsa Eropah untuk membinasakan Islam. Inilah juga titik permulaan bumi negara kita dipijak oleh kaki penjajah.

Jadi teranglah di sini bahawa generasi pertama dari bangsa kita

yang menganut agama Islam dahulu, hanya untuk menanti bagi diterima kesan-kesan pembalasan dari tangan bangsa yang pernah berjuang menentang Islam di Eropah setelah mereka berjaya menentang Islam di sana, di Barat, maka mereka pun belayar ke Timur. Mereka menaruh perasaan dendam dan dengki terhadap Islam dan penganut-penganutnya. Mereka menjalankan dasar mereka di sini dengan begitu rapi dan licin demi untuk mengikis semangat Islam dari dada pemeluk-pemeluknya.

Mungkin kerana bangsa Melayu telah lama diperintah dan diperhamba oleh penjajah-penjajah dari Barat itu, dapat memberi jawapan terhadap soalan, mengapa setelah kira-kira enam abad bangsa kita menganut Islam kita masih mundur. Kita semua bersetuju mengatakan bahawa kemunduran kita adalah disebabkan kita telah terjajah berabad-abad lamanya, dan kerana inilah juga kita telah berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan. Kita menuntut kemerdekaan ialah demi untuk membela agama, bangsa dan tanah air.

## **Revolusi Mental Islam:**

Telah terbukti di dalam sejarah, Islam menyebabkan bangsa Arab berperadaban tinggi serta maju.

## Kedudukan Masyarakat...

-Islam yang berdasarkan al-Qur'an dan al-hadith itu telah mencetuskan revolusi mental yang tertinggi dan teragung di kalangan umat Arab. Hanya kira-kira seratus tahun sejak wafatnya Nabi Muhammad (S.A.W), pemerintahan yang bertunjangan kitab suci al-Qur'an dan al-hadith itu telah merebak ke negara-negara Palestin, Syria, Iraq, Iran, Mesir negara-negara Afrika Utara hingga ke Sepanyol dan Portugal. Peradaban yang begitu tinggi telah tercapai dengan berbagai kemajuan di bidang agama, pelajaran, akitek<sup>1</sup>, kejuruteraan, perniagaan, sains, ketenteraan dan sebagainya.

Adakah kita hendak mengatakan bahawa agama Islam tidak dapat membawa kita ke arah kemajuan? Harus kita ingat kembali bahawa mula-mula generasi kita menganut agama Islam dahulu, memang di dalam keadaan Islam di ambang pintu keruntuhan. Maka inilah merupakan suatu cabaran yang telah dihadapi oleh generasi-generasi kita di zaman yang lalu. Generasi kita di dalam kedudukan masyarakat Islam di tanah air kita sekarang ini juga menghadapi cabaran-cabaran yang lebih hebat, kerana perubahan-perubahan yang telah berlaku dari sehari ke sehari di dalam kehidupan kita.

Kita tidak lagi terjajah, malah negara kita telah muncul sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dari sejak tahun 1957, serta telah diterima menjadi anggota di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Bagi negara-negara kita agama Islam dijadikan sebagai agama rasmi.


Di dalam konteks ini kita bertanggungjawab memajukan Islam. Memajukan Islam? Lagi sekali timbul suatu pertanyaan: Memajukan Islam? Benarkah istilah begitu bukannya Islam agama Allah yang telah lengkap, sempurna, progresif dan tidak perlu dimajukan? Penganut-penganut Islam sendiri yang patut memajukan diri mereka sendiri dengan berpandukan ajaran-ajaran yang dibawa oleh Islam. Revolusi mental teragung di dalam Islam yang bertunjangan pengajaran-pengajaran al-Qur'an dan al-hadith itu adakah bangsa kita telah menerimanya dengan sempurna? Bukankah revolusi mental yang dibawa oleh Islam itu menyebabkan bangsa Arab menempah sejarah Islam yang tidak ada tolok bandingnya di dalam abad-abad permulaan hingga beberapa abad kemudian?

### Tanggungjawab Kita:

Bangsa kita hari ini haruslah memajukan; diri kita dengan menurut pengajaran-pengajaran Islam dan bukannya

memajukan agama Islam kerana sikap memajukan Islam yang kita pakai, menyebabkan Tuhan tidak reda dengan kita bersikap lebih bijak daripada-Nya (kerana hendak memajukan agama-Nya yang telah maju), lalu kita tinggal miskin dan terus mundur di dalam segala lapangan hidup, meskipun masjid-masjid kita telah besar dan indah, surau-surau kita bertaburan di ceruk rantau tanah air, ayat-ayat suci al-Qur'an dikumandangkan di sana sini di tanah air, tanpa kita mengambil inisiatif yang tegas dengan mengikut pengajaran yang terkandung di dalamnya untuk memajukan diri kita.

Di dalam kedudukan masyarakat Islam di tanah air yang begini rupa, tidakkah kita mahu insaf dan sedar serta mahu mengikut pengajaran-pengajaran Islam dengan sebenar-benarnya? Jawapannya terpulanglah kepada kita semua. Lantaran kita semualah yang bertanggungjawab atas kemajuan dan kemunduran agama yang kita cintai.



Sebahagian daripada motokar-motokar yang terbalik dan tersadai di tembok (dinding) Masjid al-Haram dihanyutkan oleh air bah sewaktu berlakunya banjir di kota suci Makkah pada musim haji yang lalu.

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah arkitek.

**Berita Lawatan:**

## **Rombongan Murid-murid Sekolah Agama Melawat Percetakan Qalam**

Pada hari Isnin 14 haribulan April 1969 jam 4 petang satu rombongan yang terdiri dari murid-murid perempuan Sekolah Agama Ijok Kuala Selangor yang diketuai oleh al-Ustādh Shahr bin Sulaiman dan beberapa orang guru dari “Taman Asuhan Putera-puteri Islam” Jeram Selangor telah melawat percetakan Qalam.

Setelah mereka diberi penerangan-penerangan ringkas oleh Raja Hafizah Dahlan – salah seorang pegawai di percetakan Qalam – mereka sangat gembira dan berpuas hati menyaksikan kerja-kerja yang dijalankan oleh percetakan itu dengan menggunakan alat-alat moden yang setanding dengan percetakan-percetakan bangsa asing di negeri ini.

(Oleh: pemberita majalah Qalam)

### **Kami Merasa Bangga:**

Dengan satu temu ramahnya dengan saudara Abdul Aziz al-Murshidi – pengarang majalah Qalam – Ustaz Shahr menyatakan kebanggannya sewaktu beliau dan rombongannya menyaksikan dengan mata kepalanya sendiri bagaimana cekap dan cergasnya pekerja-pekerjanya di percetakan Qalam menjalankan tugas masing-masing dengan menggunakan alat-alat moden yang setanding dengan percetakan-percetakan bangsa asing di negeri ini yang pernah dilawatnya di beberapa masa yang lalu.

“Yang lebih membanggakan kami – kata Ustaz Shahr – ialah para pegawai dan pekerja-pekerja di percetakan Qalam ini seratus peratus terdiri dari anak bumiputera yang selama ini dianggap oleh bangsa-bangsa asing sebagai satu bangsa yang bertabiat malas. Dengan adanya perusahaan-perusahaan bumiputera seperti ini yang menggunakan tenaga pekerja anak-anak bumiputera sendiri, maka tuduhan-tuduhan yang begitu buruk yang selama ini dilemparkan kepada bangsa kita akan dapat dikikis habis-habisan dari

lubuk hati pihak-pihak yang mengada-adakan tuduhan-tuduhan palsu yang tidak berasas itu.”

### **Kami Juga Berusaha:**

Dalam perbualan di sekitar pergerakan Islam di kampungnya, Ustaz Shahr menyatakan:

“Dengan tenaga kerjasama yang bersadurkan semangat keagamaan yang tebal, baru-baru ini kami penduduk-penduduk di Jeram telah berjaya mendirikan sebuah taman asuhan yang kami namakan “Taman Asuhan Putera-puteri Islam”.

Sungguhpun bangunan taman asuhan yang kami dirikan itu tidak begitu besar yang hanya boleh menampung kira-kira lebih 300 orang pelajar sahaja, namun begitu usaha yang begini kecil sungguh membanggakan kami, lantaran usaha itu adalah hasil dari semangat perpaduan Islam yang dapat menelurkan tenaga kerjasama yang sebegitu rapat (berupa moral dan material) di antara kami sama sendiri penduduk-penduduk di kampung Jeram, sedang dari pihak kerajaan kami

## Rombongan Murid-murid...

tidak menerima sebarang bantuan. Walau demikian dengan dorongan dari cita-cita kami yang kuat di lapangan pendidikan Islam, hingga terdirilah sebuah “Taman Asuhan Putera-puteri Islam” yang kami idam-idamkan dari sejak beberapa zaman.

### List-list Kutipan Derma:

Untuk menambahkan segala kekurangan alat-alat yang diperlukan, maka hingga sekarang kami masih lagi mengedarkan *list-list* derma di seluruh negeri Selangor ini, dengan harapan semoga bantuan-bantuan yang bakal kami terima dari masyarakat Islam di negeri ini, dapatlah kami mengatasi segala kekurangan yang masih kami perlukan itu. Kepada pengutip-pengutip derma yang telah habis tempoh untuk menyerahkan kembali *list-list* tersebut derma yang telah kami serahkan kepada mereka di beberapa masa yang lalu, harap mengembalikan *list-list* tersebut sama ada berisi bantuan mahupun kosong, dalam bulan Mei ini.

Kepada pihak kedutaan Saudi Arabia dan kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur, kami tidak lupa mengatitkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih di atas bantuannya yang telah kami terima untuk taman asuhan kami itu. Derma-derma yang telah kami terima itu ialah \$100/- dari kedutaan Saudi Arabia dan \$100/- dari kedutaan Indonesia.

### Mata-mata pelajaran:

Buat sementara ini taman asuhan ini baru dapat mengadakan dua aliran pendidikan iaitu:

1. Pelajaran agama dalam bahasa Melayu.
2. Pelajaran agama dalam bahasa Arab.

Bahagian pelajaran agama bahasa Melayu sekarang ini kami telah dapat mengadakan sampai ke tingkat 4 menengah; sedang bahagian pelajaran agama bahasa Arab baru dapat kami adakan hanya tingkatan 1 sahaja.

Mata-mata pelajaran yang diajarkan ialah pelajaran agama menengah dengan menggunakan bahasa pengantar Melayu dan pelajaran agama rendah dengan menggunakan bahasa pengantar Arab.


### Guru-guru yang Bertugas:

Bahagian agama bahasa Melayu diuruskan oleh Ustaz Shahar bin Sulaiman – sebagai guru besar –



Inilah bangunan “Taman Asuhan Putera-puteri Islam” yang dibangunkan dengan usaha kerjasama penduduk-penduduk Jeram daerah Kuala Selangor.

## Rombongan Murid-murid...



Pelajar-pelajar puteri “Taman Asuhan Putera-puteri Islam” Jeram sedang tekun belajar.

dengan dibantu oleh 7 orang guru lelaki, di antaranya 5 orang guru-guru (L.C.I) yang mengajar di kelas-kelas malam dan 6 orang guru-guru wanita yang mengajar di sebelah pagi dan petang.

Bahagian bahasa Arab di bawah pimpinan Ustaz Khairullah Juneid – sebagai guru besar – dengan dibantu oleh 4 orang guru-guru agama bahasa Arab.

Penuntut-penuntut yang belajar dalam kedua-dua bahagian itu (Melayu dan Arab) pada masa ini berjumlah semuanya 180 orang lelaki dan perempuan, tetapi penuntut-penuntut perempuan lebih ramai dari penuntut-penuntut lelaki.

*In shā-Allāh* selepas pilihan raya bulan Mei yang akan datang ini, satu upacara merasmikan pembukaan “Taman Asuhan Putera-puteri Islam” akan diadakan secara sederhana dengan mengundang salah seorang pembesar negeri untuk merasmikan pembukaan tersebut.”

Inilah penerangan-penerangan ringkas yang telah diberikan oleh Ustaz Shahar bin Sulaiman mengenai “Taman Asuhan Putera-puteri Islam” yang telah diasaskan oleh penduduk-penduduk Jeram daerah Kuala Selangor.

Dan sebelum berpisah Ustaz Shahar atas nama anggota-anggota rombongannya telah mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada percetakan Qalam yang telah membenarkan rombongan yang dibawanya itu untuk melawat dan menyaksikan kerja-kerja percetakan secara moden sebagai sebuah perusahaan bumiputera yang telah diasaskan dari sejak 20 tahun yang lalu.

Kami bagi pihak percetakan Qalam sangat berbangga dengan usaha-usaha mulia yang telah dilaksanakan oleh penduduk-penduduk Jeram di lapangan pendidikan Islam.

Seterusnya kami mendoakan mudah mudahan dari suatu masa ke suatu masa “Taman Asuhan Putera-puteri Islam” akan terus jaya maju memperkembangkan ajaran-ajaran Islam di kalangan masyarakat generasi-generasi Muslim angkatan baru di negara Malaysia ini. Amin!



Bangunan “Taman Asuhan Putera-puteri Islam” Jeram dilihat dari sebelah hadapan.

Suara dari Tanah Suci:

# *Khusbah Jumaat dari Masjidil Haram*

Oleh: Faḍīlah Shaykh Abdullah Khīyāt

Imam Besar Masjidil Haram

*Al-ḥamdulī ‘Lāh alladhī aghzana bi al-Islām, aḥmaduhu, subḥānahu wahuwa ṣāhibu alfaḍlu wa al-an ‘ām, wa ashhadu an lā ilaha illā Allāh waḥdahu lā sharīka lahu, wa ashhadu anna saiyidīnā Muḥammadā ‘abduhu wa rasūluhu saiyidī al-anām, Allāhumma ṣalli wa sallam ‘ala ‘abdika warasūlika Muḥammad, wa ‘ala alihi waṣaḥbihi ... amma ba ‘du fayā ‘ibād Allāh ittaqū Allāh!*

Terjemahan: Wahyu Qalam

**Wahai sekalian hamba Allah,**

**takutilah kamu akan Allah!**

Darjat kemuliaan yang telah dikurniakan oleh Allah

*Subḥānahu wa Ta ‘ālā* kepada seluruh umat manusia, haruslah

dijaga dan dipelihara serta dijadikan suatu

kebanggaan yang tidak ada tolok bandingnya. Ini memang telah

ditegaskan oleh Tuhan sendiri dengan firman-Nya yang

tersebut di dalam surah al-Isrā’ ayat (70):

*((Wa laqad karramnā banī ‘Ādama wa ḥamalnāhum fī al-barri wa al-baḥri wa razaqnāhum mina al-tayyibāti wa faḍḍalnāhum ‘alā kathīrin mimman khalaqnā tafḍilā.))*

Ertinya: “Kami telah memuliakan anak-anak Ādam

(manusia) dan Kami bawa (angkut) mereka di atas

daratan dan di dalam lautan serta Kami beri

rezeki daripada (makanan-makanan) yang baik-baik dan Kami

lebihkan mereka daripada kebanyakan makhluk-makhluk yang

Kami jadikan dengan kelebihan-kelebihan yang sempurna”.

Inilah satu pengakuan dari Allah yang mengatakan bahawa

makhluk-Nya yang berjenis “manusia” itu adalah makhluk

yang diberikan kemuliaan. Ini adalah merupakan satu

pengakuan dari Tuhan atas kemuliaan umat manusia

seluruhnya dari segala segi asal kejadian dan bentuk

anggota yang begitu menarik jika dibandingkan dengan

makhluk-makhluk yang lain.

(Kemuliaan bukan bererti kebaikan, kemuliaan

hanya merupakan satu *title* atau satu gelaran yang

sumber gelaran itu datangnya dari asal keturunan,

tidak dari asal amalan atau perbuatan-perbuatan yang dilakukan

oleh seseorang. Oleh itu bukan semua orang yang

dikatakan “mulia” itu baik, beberapa banyak kita

dapati di dunia ini orang-orang yang berketurunan “mulia”

berasal dari darah Syed, Raja, Tengku dan Raden

melakukan pekerjaan maksiat dan mungkar. Orang-orang dari

golongan ini meskipun mereka berasal dari

keturunan yang mulia, tetapi mereka tidak boleh dinamakan

“orang baik” inilah perbezaan di antara “orang

mulia” dengan “orang baik”. Jadi sungguhpun

seluruh umat manusia itu diakui oleh Tuhan

sebagai “orang mulia” dari segi asal kejadian

dan bentuk anggota badannya yang begitu teratur rapi

dan menarik, namun demikian Tuhan menapis dan

memilih di antara mereka itu dijadikan “orang baik”.

manusia pilihan yang dijaminan oleh Tuhan sebagai “orang baik” itu ialah manusia yang beriman kepada-Nya serta memerintah manusia lain melakukan pekerjaan-pekerjaan yang baik dan melarang mereka itu melakukan pekerjaan-pekerjaan buruk dan mungkar. Jaminan ini ada difirmankan Tuhan dalam surah Āli ‘Imrān ayat (110):

*“Kuntum khayra ummatin ukhrijat li al-nāsi ta’murūna bi al-ma’rūfi wa tanhawna ‘ani al-munkari wa tu’minūna billāh.”*

Ertinya: “Kamu (wahai orang-orang yang beriman) adalah sebaik-sebaik umat yang dilahirkan untuk (seluruh) manusia, supaya kamu menyuruh (mereka) mengerjakan kebajikan dan melarang melakukan kejahatan serta kamu beriman kepada Allah.”

Menurut firman Tuhan di atas, yang dinamakan “orang baik” itu ialah manusia yang menyuruh orang lain berbuat baik dan melarang mereka itu melakukan kejahatan dengan syarat ia sendiri hendaklah beriman kepada Allah. Dengan ini jelaslah bahawa orang yang tidak beriman kepada Allah itu meskipun ia menyuruh orang berbuat baik dan melarang mereka melakukan kejahatan, ia belum lagi diterima untuk masuk ke dalam golongan “orang baik”. – Penterjemah.)

#### **Sidang Jumaat yang mulia:**

Kita orang-orang Mukmin inilah yang diakui oleh Tuhan sebagai “orang baik”; oleh itu darjat kebaikan yang telah dianugerahkan oleh Tuhan kepada kita itu hendaklah kita jaga, kita pelihara daripada sebarang noda dan kekotoran yang akan mencemarkan bintang “kebaikan” yang telah disematkan oleh Tuhan ke dada kita itu. Menjaga “kebaikan” kita itu tidaklah begitu susah. Kita hanya diminta supaya berlaku adil di dalam sesuatu pekerjaan yang kita lakukan, adil

menjalankan sesuatu hukuman kalau kita menjadi hakim atau pemerintah, adil memberikan nafkah lahir batin jika kita mempunyai isteri lebih dari satu, adil dalam pergaulan dengan tidak membezakan antara seorang sahabat dengan sahabat yang lain dalam pergaulan dan adil di dalam segala-galanya.

Kemudian kita diminta pula supaya bersifat “ikhlas”. Erti ikhlas di sini ialah semata-mata kerana Allah. Ikhlas dalam mengerjakan ibadah, ikhlas dalam menunaikan kewajipan sehari-hari, ikhlas menolong orang yang susah dan apa juga pekerjaan baik yang kita lakukan hendaklah berdasarkan “ikhlas” kerana Allah semata-mata dan tidak mengharapkan sebarang pembalasan, kerana orang-orang Islam yang tidak melakukan “keadilan” dan tanpa “ikhlas” di dalam setiap amalan dan pekerjaan yang dilakukannya, maka orang itu sudah dianggap sebagai manusia yang zalim terhadap orang ramai dan zalim pula terhadap dirinya sendiri.

Kemudian dari itu kita diminta pula supaya “ikhlas” mengikuti pengajaran-pengajaran yang ditinggalkan oleh Rasulullah *Nabī al-Hudā* (S.A.W), dengan mengharapkan pertunjuk dari Allah, memuliakan-Nya serta mengagung-agungkan kekuasaan-Nya yang terbentang nyata di hadapan mata kita. Ini adalah merupakan satu perintah Allah yang termaktub di lembaran kitab suci al-Qur’ān dalam surah al-Fath ayat (8 dan 9):

*“Innā arsalnāka shāhidan wa mubashshiran wa nadhīrā. Li tu’minū billāhi wa rasūlihī wa tu’azzirūhu wa tuwaqqirūhu wa tusabbihūhu bukratan wa aṣīlā”.*

Ertinya: “Sesungguhnya Kami telah mengutus engkau (wahai Muḥammad) sebagai menjadi saksi (bagi umat engkau)\* dan memberikan khabar gembira

---

\*Setiap nabi yang diutus Tuhan akan menjadi saksi bagi umat Islam dan membawa berita gembira dunia

akhirat untuk orang-orang yang beriman serta membawa berita seksaan neraka bagi orang-orang kafir yang menentang ajaran-ajaran Allah yang disampaikan kepada mereka.



(syurga) dan khabar duka (neraka), supaya kamu beriman kepada Allah dan rasul-Nya dan supaya Dia (Allah) kamu tolongi,\*\* memuliakan-Nya dan bertasbih memuji-Nya di waktu pagi dan petang;”

Begitu pula kita diminta supaya berlaku “adil” dan “ikhlas” terhadap diri kita sendiri. Yang dimaksudkan dengan adil dan ikhlas kepada diri sendiri itu ialah menjauhkan diri kita daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh Islam serta mengerjakan segala amalan-amalan yang diwajibkan ke atas kita sebagai seorang Muslim supaya kita tidak mendapat kemurkaan dari Allah dan rasul-Nya, dan juga memelihara adab sopan kita dalam pergaulan dengan jiran tetangga, sahabat handai dan seumum anggota masyarakat yang kita bersemenda di dalamnya, supaya kita tidak dibenci dan dipandang rendah oleh orang ramai. Kalau kita sudah sanggup berbuat demikian, maka bererti kita telah termasuk di dalam golongan orang-orang yang bersih jiwanya. Apakah pembalasan yang bakal diterima oleh orang-orang yang berjihad bersih ini? Jawapannya dengarlah pengakuan yang telah diberikan Allah dengan firman-Nya di dalam surah al-Shams ayat (9-10):

((*Qad aflaha man zakkāhā, wa qad khāba man dassāhā*)).

Ertinya: “Sesungguhnya beruntunglah orang yang telah membersihkan jiwanya, dan rugi besarlah orang yang telah mengotorkannya.”

Akhir sekali kita diminta pula supaya bersikap “adil” dan “ikhlas” kepada ahli rumah kita sama ada mereka itu isteri, ibu, saudara, anak mahu pun khadam (orang gaji) yang bekerja dengan kita. Bagaimana pula caranya kita mesti berlaku adil dan

ikhlas kepada ahli rumah kita itu? Caranya paling mudah sekali. Kita penuhkan dada mereka dengan pelajaran-pelajaran agama (sebelum daripada mereka diberikan pelajaran-pelajaran yang bercorak keduniaan, lantaran pelajaran agama inilah yang bakal menjadi benteng untuk mengawal diri dari sebarang pengaruh syaitan sewaktu mereka berada di tengah-tengah masyarakat yang dipenuhi dengan pancaroba dan tipu daya – Penterjemah.) Laranglah mereka itu daripada bercampur gaul dengan orang-orang *ajnabī* (yang bukan mahramnya), tegah mereka itu membuka aurat dan memakai pakaian yang menjolok mata dan jangan dibiarkan mereka itu hidup terlalu bebas sampai melanggar batas kehormatan keluarga dan menodai maruah diri mereka sendiri. Ini adalah berdasarkan firman Allah yang tercatat di dalam surah al-Ahzāb ayat (32-33) yang asal turunnya ditujukan kepada isteri-isteri Nabi (S.A.W) dan kemudiannya menjadi sebagai satu perintah yang wajib ditaati oleh seumum wanita-wanita Muslimat:

*“Yā nīsā’ a al-nabiyyi lastunna ka aḥadin mina al-nisā’i ini ittaqaytunna fa lā takhḍa’na bi al-qawli fa yaṭma’a alladhī fi qalbiḥi maraḍun, wa qulna qawlan ma’rūfā. Wa qarna fī buyūtikunna wa lā tabarrajna tabarruja al-jāhiliyyati al-’ulā, wa aqimna al-ṣalāta wa ātina al-zakāta wa aṭi’na Allāha wa rasūlah, innamā yurīdu Allāhu li yudhhibu ‘ankumu al-rijsa ahla al-bayti wa yuṭahhirakum taḥhīrā.”*

Ertinya: “Wahai isteri-isteri Nabi! Kamu tiadalah seperti perempuan-perempuan (yang lain). Kalau kamu takut (kepada Allah), janganlah kamu mengeluarkan kata-kata yang lemah lembut, nanti akan timbul keinginan (nafsu) orang yang ada penyakit dalam

---

\*\*Menolong Tuhan itu maksudnya ialah menolong memperkembangkan ajaran-ajaran Tuhan yang disampaikan oleh Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

hatinya,\*) dan katakanlah perkataan yang betul (tegas tidak merayu-rayu). Dan tetaplah kamu (tinggal) dalam rumah kamu! Janganlah kamu berhias (mendedahkan) diri sebagaimana perhiasan orang-orang di zaman Jahiliah. Dan dirikanlah sembahyang, keluarkanlah zakat dan taatlah kepada Allah dan rasul-Nya. Sesungguhnya Allah hendak menghilangkan kekotoran dari (jiwa) kamu. Wahai ahli rumah! Hendaklah bersihkan diri kamu dengan sebersih-bersihnya.”

### **Wahai ikhwān al-Muslimīn!**

Beginilah cara-caranya Allah mengajar kita umat Islam menjaga taraf kemuliaan rumah tangga, memelihara kehormatan kaum keluarga dan mengawal maruah diri wanita-wanita Muslimat dari tercebur ke jurang maksiat, menurut kemahuan hawa nafsu yang bakal mencontengkan arang ke muka seluruh masyarakat Islam serta menodai nama baik Islam sebagai suatu agama yang diakui suci oleh Allah dan rasul-Nya. Apabila seseorang Muslim dan Muslimah melanggar pengajaran-pengajaran tersebut, maka bererti ia ingin menarik dirinya keluar dari sempadan perbatasan pengajaran-pengajaran Islam yang bertujuan luhur dan suci itu. Ini bererti juga ia ingin keluar dari batasan tembok “keadilan” yang telah dibina oleh Islam demi untuk mengawal dan menjaga seluruh penganut-penganutnya dari terjerumus ke lembah kehinaan hidup dunia dan akhirat.

(Kita semua mengetahui dan memang menyedari, bahawa gerak langkah yang bertemakan “hidup bebas di dunia moden” yang seringkali dilaung-laungkan oleh generasi-generasi Muslim angkatan baru pada hari ini, adalah

merupakan slogan-slogan suara bernada sombong yang datanginya dari dunia barat, atau lebih tegas kita namakan “Dunia Kristian” yang memang bertujuan untuk meracun jiwa pemuda-pemudi Islam supaya mereka membelakangkan ajaran-ajaran agama suci yang mereka anuti dan lantas menyeleweng dari dasar “akidah *Islāmiyyah*” yang menjadi pokok kepercayaan mereka terhadap Tuhan yang Maha Esa. Kerana mereka (orang-orang Yahudi dan Nasrani) itu memang selamanya tidak berpuas hati selagi mereka tidak dapat menarik orang-orang Islam masuk ke dalam agama mereka. Ini memang sudah Tuhan tegaskan dari sejak 14 abad yang silam di lembaran al-Qur’an al-Karim dalam surah al-Baqarah ayat (120):

*“Wa lan tarḍā ‘anka al-yahūdu wa lā al-naṣārā ḥattā tattabi‘a millatahum, qul inna hudā Allāhi huwa al-hudā, wa laini ittaba‘ta ahwā’ahum ba‘da alladhī jā‘aka mina al-‘ilm, mā laka mina Allāhi min waliyyin wa lā naṣīr.”*

Ertinya: “Orang-orang Yahudi memang tidak akan berasa senang kepada engkau (wahai Muḥammad!), begitu pula orang-orang Nasrani (Kristian), sehingga engkau (mahu) mengikut agama mereka. Katakanlah! (kepada mereka), sesungguhnya pertunjuk Tuhan itulah pertunjuk yang sebenarnya, dan jika engkau turut kemahuan mereka, sesudah ilmu pengetahuan datang kepadamu (melalui ayat-ayat al-Qur’ān), tentulah Tuhan tidak lagi menjadi Pelindung dan Penolong bagimu” – Penterjemah).

### **Sidang Jumaat yang berbahagia!**

Keluarga adalah merupakan suatu masyarakat kecil dalam pergaulan hidup manusia sehari-hari, kalau masyarakat keluarga yang kecil ini rosak dankucar-kacir, maka kerosakan itu mungkin menular

(\*)Perkataan-perkataan yang diucapkan oleh kaum wanita dengan nada suara yang lemah lembut mendayu-dayu itu membangkitkan

keinginan nafsu bagi orang-orang yang berperangai jahat. Oleh itu Allah mengingatkan kepada isteri-isteri Nabi supaya mereka bercakap dengan tegas dan tidak menyeleweng daripada tujuan atau maksud yang dipercakapkan itu.

masyarakat itu pincang, maka pendiriannya tidak teguh lagi, ia mesti diubah, diperbaiki sehingga menjadi masyarakat yang sehat, teguh dan konkrit.

Tanggungjawab mengobati atau memperbaiki sebuah masyarakat Islam yang telah pincang itu, adalah terletak di atas pundak para alim ulama, cerdik pandai, intelektual-intelektual Islam dan seluruh anggota masyarakat Islam itu sendiri. Kalau orang-orang yang mempunyai tanggungjawab ini berlepas tangan, berpeluk tubuh dan tidak mahu berusaha untuk memperbaikinya, maka tunggulah saat keruntuhannya, nantilah ketika kemurkaan Allah datang menimpa seumum anggota masyarakat itu dengan tidak ada kecualinya. Kalau saudara ragu-ragu dan tidak percaya, maka bacalah amaran Allah yang tegas di dalam surah al-Anfāl ayat (25):

*((Wa ittaqū fitnatan lā tuṣībanna alladhīna ḡalamū minkum khāṣṣah, wa i‘lamū anna Allāha shadīdu al-‘iqāb)).*

Ertinya: “Dan takutilah fitnah (bala bencana) yang bukan khusus menimpa orang-orang yang zalim (bersalah) sahaja di antara kamu; dan ketahuilah bahawa Allah itu tersangat keras seksa-Nya.”

Oleh itu, takutilah kamu akan Allah, wahai sekalian *ikhwān al-Muslimīn!* Tegakkanlah “keadilan” dan pupuklah jiwa kamu dengan sifat “ikhlas”; lantaran hanya dengan kedua-dua sifat ini sahajalah kamu akan berjaya menegakkan sebuah masyarakat Islam yang harmoni, teguh dan konkrit. Pertahankanlah

benteng-benteng kemuliaan yang telah dikurniakan Allah kepada kamu, agar kamu tetap selamanya dipandang suatu umat yang tinggi dan mulia di mata dunia antarabangsa. Kalau kamu sendiri sudah berani mencemarkan kehormatan yang telah dikurniakan oleh Allah itu, janganlah kamu salahkan sesiapa jika keadaan hidup kamu sentiasa terhina di sepanjang zaman hingga suara sangkakala ditiupkan untuk menamatkan riwayat dunia yang telah kotor bernoda, disebabkan oleh perbuatan-perbuatan fasad, maksiat dan mungkar yang kamu lakukan dengan bermaharajalela itu.

*A ‘ūdhu billāhi mina al-shayṭāni al-rajīm*

*((Yā ayyuhā alladhīna ‘āmanū qū anfusakum wa ahlīkum nārā, wa qūduhā al-nāsu wa al-ḡijārah, ‘alayhā malā‘ikatun ḡhilāzūn shidādun lā ya ‘ṣūna Allāha mā amarahum, wa yaf‘alūna mā yu‘marūn)).*

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah

diri kamu dan keluarga kamu dari

(seksaan) api neraka, kayu pembakarannya adalah

(tubuh-tubuh) manusia dan batu-batu (berhala), sedang

penjaganya malaikat (yang bertabiat) kasar, mereka

tidak (pernah) menderhakai Allah tentang apa yang

diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka melakukan

apa (sahaja) yang diperintahkan kepada mereka.”

(surah al-Taḡrīm ayat: 6)

*Nafa‘anī Allāhu wa iyyākum bi hudā kitābih, aqūlu qawlī*

*hādihā wa astḡfiru Allāha al-‘azīmi lī wa lakum, wa li sā‘iri*

*al-muslimīna min kulli dhanbi fa astḡfirūhu innahu*


*huwa al-ḡhafūru al-rahīm.*

Disedut dan diterjemah daripada:

Akhbar al-‘Ālam al-Islāmī

# Persidangan Islam Antarabangsa Merintis Jalan Perpaduan Sel

Satu “Persidangan Islam Antarabangsa” telah diadakan di ibu kota Malaysia – Kuala Lumpur – selama seminggu m wakil-wakil rasmi mereka ke persidangan tersebut. Keputusan-keputusan yang diambil dari segi hukum yang ada hubunganny agar seluruh umat Islam hidup mulia dan bersatu padu. Di antara keputusan yang sangat membanggakan para perwakilan ialah Zionis Yahudi.



Pemandangan umum di dalam persidangan di mana para perwakilan sedang hangat memecahkan soal-soal hukum pemindahan mata, jantung dan wang faedah yang selama ini masih-masih ragu-ragu dilaksanakan di dalam negara-negara Islam.



Para perwakilan dari Republik Arab Bersatu, Tunis dan Sudan sedang asyik mengikuti perbahasan-perbahasan mengenai wang zakat untuk disalurkan kepada perjuangan-perjuangan Islam seperti merampas kembali Masjid al-Aqsa dari tangan Yahudi.



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda merasmikan pembukaan “Persidangan Islam Antarabangsa” di Universiti Malaya.

# Pengaruh Umat Islam Bagi Menghadapi Hidup Di Zaman Gemilang

mulai dari 21 hingga 27 hari bulan April 1969. Sebanyak 23 buah negara-negara Islam telah menghantar


ra dengan soal ekonomi, masyarakat, dakwah dan perikemanusiaan adalah sesuai dengan konsep-konsep Islam yang menyeru

n menyokong perjuangan rakyat Palestin untuk merampas kembali Masjid al-Aqsa dari tangan



inda Yang di-Pertuan Agong sedang bertitah

abangsa” bertempat



Yang Berhormat En. Abdul Rahman Ya'kub – Menteri Tanah dan Galian Malaysia

– sebagai pengerusi “Persidangan Islam Antarabangsa” sedang

berucap mengalu-alukan kedatangan para perwakilan ke persidangan.”



Para perwakilan dari Malaysia, Yaman, Iran, dan Saudi Arabia

sedang mendengar dengan teliti kandungan kertas-kertas kerja yang dikemukakan oleh

Malaysia di dalam persidangan tersebut.



Pertanyaan daripada:

M. Ilyas,

Kuala Kangsar – Perak.

“Apakah wajib umat Islam seluruhnya membantu umat Islam yang lain sedang ditimpa kemalangan seperti di negara Timur Tengah sekarang ini?”

**Jawab**

Banyak ayat-ayat Qur’an dan hadith-hadith Nabi yang mewajibkan seluruh umat Islam itu mesti tolong menolong dan bantu-membantu antara satu sama lain.

Di antaranya firman Allah:

*((Wa ta’awanū ‘alā al-birri wa al-taqwā, wa lā ta’awanū ‘alā al-ithmi wa al-‘udwān, wa ittaqū Allāh, inna Allāha shadīdu al-‘iqāb))*

Ertinya: “Bertolong-tolonglah kamu atas kebaikan dan takwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan atas dosa dan permusuhan; dan hendaklah kamu takut kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah itu tersangat keras seksa-Nya.” (Surah al-Mā’idah ayat: 2).

Dan firman-Nya lagi:

*((Inna Allāha yuḥibbu al-ladhīna yuqātilūna fī sabīlihi ṣaffā, ka annahum bunyānun marṣūṣ))*

Ertinya: “Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang di jalan-Nya dengan berbaris, (bersatu hati, teratur) seolah-olah mereka satu binaan yang tersusun rapi.” (Surah al-Ṣaff ayat 4.)

Ayat pertama Allah memerintahkan (mewajibkan) kepada sekalian orang-orang Islam supaya mereka sentiasa bertolong-tolongan antara satu sama lain di segenap lapangan hidup, biar di waktu aman mahupun dalam saat menghadapi pancaroba. Kalau dasar tolong-menolong atau gotong-royong yang dibawa oleh Islam ini diamalkan oleh orang-orang Islam di zaman ini, maka sudah tentu mereka tetap selamanya menjadi satu umat yang kuat, gagah dan takkan dapat ditindas oleh kaum feodal dan imperialis. Tetapi lantaran semangat “gotong-royong” itu telah mati di jiwa mereka dan mereka lebih mementingkan hidup cara bersendirian dan nafsu-nafsi, maka jadilah mereka satu umat yang lemah yang terhina di pandang mata dunia antarabangsa. Ini memang telah ditegaskan oleh Allah di dalam al-Qur’an al-Karim sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“Taatlah kepada Allah dan rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantahan-bantahan, (kerana dengan berbantah-bantahan itu) kamu akan jadi satu umat yang lemah dan hilanglah kekuatan kamu, dan bersabarlah; kerana sesungguhnya Allah itu bersama-sama dengan orang-orang yang sabar.” ( Surah al-Anfāl ayat: 46.)

Mengapa dalam ayat di atas Allah melarang kita supaya jangan berbantah-bantahan sesama sendiri? Kerana kalau suatu umat itu sentiasa suka berbantah-bantahan, bertengkar dan berkelahi sesama sendiri, maka semangat bantu-membantu dan gotong royong selamanya tidak akan dapat ditanamkan ke dalam jiwa mereka, bilamana semangat gotong-royong itu tidak tertanam di jiwa sesuatu umat, maka umat itu akan menjadi satu umat yang berpecah belah tanpa perpaduan, manakala mereka berpecah belah akan lemahlah mereka.

## 1001 Masalah

Tentang ayat yang kedua pula, Allah menerangkan bahawa ia sangat mengasihi orang-orang Islam yang sanggup mengatur barisan perjuangan yang teguh ibarat sebuah binaan yang kukuh tersusun rapat antara satu sama lain. Ini bererti Allah mahukan kita umat Islam supaya bersatu padu menghadapi sebarang cabaran dari musuh-musuh Islam yang cuba hendak merampas hak kepunyaan kita (tanah air kita), lebih-lebih lagi kalau musuh-musuh Islam itu cuba pula hendak menodai kesucian agama kita. Pada ketika itu Allah memerintahkan kita mesti bangun serentak menyusun barisan perpaduan yang teguh konkrit bagi menghadapi segala cabaran dan malapetaka yang didatangkan oleh musuh-musuh kita itu. Dalam soal perpaduan ini Junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) ada bersabda:

*“Al-mu’minu li al-mu’mini ka al-bunyāni yashuddu ba‘duhu ba‘dā.”*

Ertinya: “Seorang Mukmin bagi Mukmin yang lain itu seperti sebuah binaan yang tersusun dengan teguh antara setengah dengan setengahnya.” Sabdanya lagi:

*“Lā yu’minu aḥadukum ḥatta yuḥibba li akhīhi mā yuḥibbu li nafsih”*

Ertinya: “Tidaklah beriman salah seorang dari kamu sehingga ia mencintai saudaranya (orang Muslim) sebagaimana ia mencintai dirinya sendiri.” Dan sabdanya pula:

*“Mathalu al-mu’minīna fī tawāddihim wa tarāḥumihim wa ta’āṭufihim ka mathali al-jasadi idhā ishtakā ‘uḍwan tadā’ā lahu sā’iru jasadīhi bi al-sahari wa al-ḥummā”*

Maksudnya: “Bandingan orang-orang Mukmin (Muslimin)

itu dalam perasaan kasih mesra mereka, belas kasihan mereka dan keramah-tamahan mereka (antara satu sama lain) seumpama satu tubuh, sekiranya mengadu salah satu daripada anggotanya mengatakan sakit, maka keseluruhan tubuh akan merasakan seksa tak tidur malam dan demam.”

Ketiga-tiga hadith di atas adalah menyeru seluruh umat Islam yang terdiri daripada berbagai-bagai suku kaum, berlainan warna kulit dan berasingan pula bahasa percakapan dan kebudayaan, supaya mereka itu hidup bersatu padu, tolong-menolong, cinta-mencintai di bawah naungan panji-panji persatuan Islam yang teguh dan kukuh merupakan satu binaan, satu benteng dan satu jasad yang terdiri daripada berbagai anggota seperti kepala, dada, perut, tangan, kaki dan seterusnya, apabila salah satu daripada anggota-anggota itu diinggapi oleh penyakit, maka keseluruhan tubuh badan turut sama merasakan kesakitan itu dengan tak boleh tidur malam seperti orang demam.

Inilah dia semangat “gotong-royong” sebagai sebuah jambatan yang dibina oleh Islam dijadikan tempat lalu-lalang seluruh penganut-penganutnya menuju ke pintu gerbang perpaduan dan persatuan umat Islam sejagat. Semangat tolong-menolong inilah yang wajib ditanamkan ke dalam jiwa seluruh kaum Muslimin, jika sekiranya mereka itu ingin menjadi satu umat yang agung, satu umat yang kuat, satu umat yang gagah dan satu umat yang akan dipandang mulia oleh seluruh dunia internasional, lantaran sumber puncanya timbul perpaduan sesuatu umat itu adalah dari semangat gotong-royong dan cinta-mencintai antara satu sama lain. Kerana gotong-royong dan cinta-mencintai inilah menjadi dasar pokok pembinaan suatu umat atau sesuatu bangsa di mayapada ini. Selagi mereka tidak mahu



## 1001 Masalah

menjalankan kedua-dua konsep ini dijadikan dasar hidup, maka janganlah diharap umat itu dapat membina sebuah tembok perpaduan yang dikehendaki oleh hadith-hadith Rasulullah di atas.

Kembali kita kepada pokok pertanyaan yang dikemukakan oleh saudara M. Ilyas: “Apakah wajib umat Islam seluruhnya membantu umat Islam yang lain sedang ditimpa kemalangan seperti di negara-negara Timur Tengah sekarang ini?” Dengan tegas kita menjawabnya: “Ya, wajib”.

Oleh itulah dalam masa yang akhir-akhir ini majalah Qalam banyak sekali mengisi ruangnya dengan makalah-makalah jihad yang menyeru seluruh umat Islam sedunia bangkit serentak membantu perjuangan-perjuangan yang sedang dilancarkan oleh saudara-saudara kita umat Islam di negara-negara Timur Tengah kerana mempertahankan tanah air mereka dari agresi-agresi pencerobohan yang dilakukan oleh tentera-tentera Zionis Yahudi yang bersifat kejam dan tidak berperikemanusiaan itu. Tambahan pula agresi-agresi pencerobohan yang dilancarkan oleh tentera Yahudi itu kian hari kian keterlaluan sehingga dengan sikap yang begitu berani sekali, mereka telah menodai

kesucian-kesucian Masjid al-Aqsa, sebagai kiblat pertama orang-orang Islam dan sebagai tempat permulaan Nabi Besar kita Muhammad (S.A.W) mikraj ke langit di 14 abad yang silam.

Jadi dengan adanya agresi-agresi pencerobohan tentera-tentera Yahudi yang dengan terang-terangan telah menodai agama Islam itu, maka kawajipan jihad yang sedang dilancarkan oleh saudara-saudara kita umat Arab di negara-negara Timur Tengah itu adalah juga menjadi tanggungjawab dan kewajipan seluruh umat Islam seantero dunia.

Qalam bahagian Tabligh berhubung dengan soal ini telah mengeluarkan dua risalah kecil mengenai kewajipan jihad yang dipetik daripada khutbah Jumaat Faḍīlah al-Shaykh Abdullah Khayyāt – Imam besar Masjid al-Haram – dan ucapan Duli Yang Maha Mulia al-Malik Faisal – raja negara Saudi Arabia – semasa baginda berucap di dalam majlis khas mengalu-alukan ketibaan para jemaah haji ke tanah suci Makkah al-Mukarramah pada bulan Dhu al-Hijjah tahun 1388 yang baru lalu.. kalau saudara ingin memiliki kedua-dua risalah tersebut silalah kirim 20 sen stem serta alamat saudara yang terang. *In shā-Allāh* kedua-dua risalah tersebut akan kami kirimkan kepada saudara dengan percuma.

Abu al-Mokhtar



Tarian “kebangsaan Melayu” yang ditarikan oleh murid-murid sekolah dari berbagai-bagai kaum di dalam upacara pembukaan “Minggu Perpaduan” yang telah diadakan pada 8 haribulan Februari 1969 di Stadium Merdeka.

# Suara “Komando Pembebasan Palestin” Bergema Di Angkasa Tanah Suci

Bersempena dengan ketibaan “musim haji” di mana kota suci Makkah al-Mukarramah sedang dibanjiri oleh beratus-ratus ribu para jemaah haji, maka “Komando Pembebasan Kebangsaan Palestin” (Al-Fatah) telah mengambil kesempatan mengeluarkan satu kenyataan mengenai dasar-dasar perjuangan umat Palestin untuk merampas kembali bumi Palestin – tanah air mereka yang dicintai – dari cengkaman kuku besi penjajahan Yahudi serta menuntut daripada seluruh negara-negara Islam di seantero dunia menyokong perjuangan mereka dan juga perjuangan umat Arab dan seluruh kaum Muslimin. Di bawah ini kami terjemahkan kandungan nas kenyataan tersebut ke dalam bahasa kebangsaan – P.

Dipetik dari surat khabar “*al-Nadwah*” bilangan 69/3058

*“Udhūna li alladhūna yuqūlūna bi annahum*

*zulimū, wa inna Allāha ‘alā naṣrihim laqadīr”.*

Ertinya: “Allah mengizinkan (berperang) bagi mereka yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka dianiayai dan bahawasanya Allah amat berkuasa menolong mereka” – Surah al-Hajj (39).

## Wahai Umat Islam!

Wahai kaum Muslimin yang berada di seluruh benua dan negeri! Pada hari yang maha agung ini, iaitu hari-hari “haji yang maha besar”. Di mana pada hari ini beratus-ratus ribu bilangan umat Islam berhimpun di suatu tempat yang besar ertinya di dalam sejarah perkembangan agama Islam menunaikan seruan yang hak dari Allah *Tabāraka wa Ta ‘ālā*. Mereka datang berbondong-bondong dari tempat yang jauh bagi menunaikan ibadah haji serta menghadiri suatu “kongres Islam” yang besar ertinya untuk menempa sejarah perpaduan seluruh umat Islam yang terdiri dari berbagai suku bangsa dan berlainan warna kulit.



Al-Sayyid Yasser Arafat Ketua

Umum “Al-Fatah” telah mengirimi 3 orang wakil – sebagai pemerhati – ke dalam Sidang Islam Antarabangsa di Kuala Lumpur pada bulan April 1969 yang lalu. Kemudiannya ketiga-tiga orang wakil “Al-Fatah” yang diketuai oleh al-Sayyid Abu Hisham itu telah meminta kepada kerajaan Malaysia menubuhkan pejabat “Al-Fatah” di Kuala Lumpur. Permintaannya itu telah dipersetujui.

Pada hari yang bersejarah inilah seluruh rakyat Palestin di bawah pimpinan satu “Komando Pembebasan Kebangsaan Palestin” (Al-Fatah) melancarkan perjuangan jihad suci yang berdasarkan keadilan dengan tekad yang satu demi untuk membebaskan Masjid al-Aqsa yang diberkati Tuhan di sekelilingnya bagi mempertahankan agama Islam, tanah air Islam dan kehormatan Islam dan mempertahankan setiap inci dari bumi sucinya yang telah dikuasai oleh angkatan perang Zionis Yahudi yang telah melakukan beberapa kekejaman dengan menyembelih kanak-kanak membunuh kaum wanita yang lemah dan menyula orang-orang tua yang tidak bertenaga.

Bukan hanya setakat itu sahaja, malahan rakyat kami yang mempunyai hak mutlak di dataran persada tanah air kami dibelenggu dan diusir seperti anjing-anjing kurap, rumah-rumah ibadah orang-orang Islam banyak yang telah diruntuhkan dan di atas tapak bangunan yang runtuh itu mereka dirikan taman-taman hiburan tempat mereka bersuka-sukaan memuaskan hawa nafsu dan melakukan perbuatan-perbuatan

### Suara Komando...

maksiat. Wanita-wanita Islam yang masih perawan dan suci, mereka jadikan orang tawanan diperkosa dan dinodai kehormatan mereka dan setengah daripada mereka dilemparkan ke dalam penjara dan tidak sedikit pula bilangan mereka yang dibunuh dan ditembak dengan secara yang paling kejam dan rumah-rumah pemimpin-pemimpin kaum yang dicurigai dibakar, harta benda mereka dirampas, kampung halaman mereka dijadikan hak milik negara. Kini masjid al-Aqsa dan tempat suci *al-Ibrahīmī hanya* menunggu saat sahaja untuk dihancurkan dengan alat-alat pengeledakan dinamit.

### Wahai Umat Islam!

Wahai kaum Muslimin yang berada di seluruh benua dan negeri! Sesungguhnya rakyat kami telah berjuang matian-matian menentang pencerobohan Zionis Yahudi dan kaum penjajah selama 30 tahun; dalam perjuangan-perjuangan yang selama itu kami telah mengirim beribu-ribu barisan para syuhada mengadap Tuhan di alam akhirat, namun begitu kami tidak gentar menghadapi maut, kami terus berjuang dengan semangat kepahlawanan yang bersadur waja yang mana perjuangan-perjuangan sengit yang kami lancarkan selama lebih dari suku abad itu mendapat perhatian kuasa-kuasa besar di seluruh dunia, sehingga berlakunya sesuatu “konspirasi” dari pihak penjajah yang mengakibatkan rakyat kami disingkirkan dari kampung halaman dan buminya yang subur menghijau, hidup menderita selama 20 tahun di dalam khemah-khemah



### Taufan Perjuangan Mulai Mengamuk!

(Lukisan dipetik dari *al-Nadwah*)

pengasingan untuk menjauhkan kami dari meneruskan perjuangan menuntut hak mutlak kami yang halal dalam perjuangan membebaskan tanah air kami, atau menuntut supaya keseluruhan bumi kami yang telah dirampas dengan secara kejam itu dikembalikan kepada yang punya hak.

Tetapi manakala rakyat kami berputus asa dari mendapatkan keadilan dari kuasa-kuasa di dunia, maka untuk mengembalikan hak kedaulatan negara kami, tiada jalan lain buat kami melainkan dengan menggunakan kekerasan. Dengan dorongan dari

suatu perasaan menuntut bela yang berkobar-kobar, maka bangkitlah segolongan besar dari pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan dan percaya kepada dasar keadilan, mengatur barisan perjuangan sebagai menunaikan seruan hak dari Allah di dalam firman-Nya yang berbunyi:

*“Infirū khifāfan wa thiqālan wa jāhidū bi amwālikum wa anfusikum fī sabīli Allāhi dhālikum khayrun lakum in kuntum ta‘lamūn”*

Ertinya: “Keluarlah kamu ke medan perang dengan keadaan ringan (berjalan kaki) dan keadaan berat

### Suara Komando...

(berkenderaan) dan berperanglah kamu dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah, demikianlah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu dari golongan orang-orang yang mengetahui.” – Surah al-Tawbah ayat (41).

Dengan menunaikan seruan ayat suci inilah segolongan pemuda-pemuda kami yang telah disinari Allah dadanya dengan hidayah dan iman bangkit berjuang siang dan malam tanpa mengenali bahaya maut menggempur musuh mereka Zionis Yahudi yang dengan secara biadab telah menguasai tanah air mereka yang dicintai.

Pada tanggal 1 haribulan Januari 1965, bangkitlah pula seluruh rakyat mengisytiharkan perang “*jihād fi sabīli Allāh*” menentang musuh dengan mengorbankan segenap tenaga dan jiwa raga mereka menjadi “syuhada Palestin” yang berjiwa pahlawan dan bersemangat perwira yang tidak ada tolok bandingnya dalam sejarah jihad di zaman moden.

“Maka sebahagian dari mereka mati (syahid) dan sebahagian dari mereka menunggu (gilirannya untuk mati syahid) dan tidak sekali mereka mengubah sikap,” Begitulah maksud firman Allah yang tercatat di dalam surah al-Aḥzāb ayat (23).

### Wahai Umat Islam!

Wahai kaum Muslimin yang berada di seluruh benua dan negeri! Perang bulan Jun 1967 tah<sup>1</sup> meletus, tentera-tentera Zionis Yahudi telah berjaya

menguasai Masjid al-Aqsa dan buminya, mereka gembira bersorak-sorak dan bertempik-tempik dengan mengatakan: “Muhammad telah mati,” selepas mereka dimabukkan oleh sesuatu kemenangan sementara (di Baitul Maqdis) itu.

Tetapi musuh kita itu menjadi kagum, setelah sebulan sahaja mereka menguasai bumi suci Islam itu, segolongan besar dari pemuda-pemuda yang berjiwa jihad telah menggempur musuh kita yang durjana itu meneruskan cita-cita perjuangan pahlawan-pahlawan Islam di zaman silam, mengibarkan panji-panji jihad yang

diwajibkan oleh Islam. Matlamat perjuangan jihad yang mereka tuju hanya dua perkara; sama ada mencapai “kemenangan” ataupun “gugur syahid” di medan pertempuran.

Dalam perjuangan jihad yang telah dilancarkan oleh pemuda-pemuda pejuang kita yang bersemangat waja itu, beratus-ratus bilangan mereka yang masih hidup terus bercita-cita melaksanakan perang jihad hingga mencapai kemenangan meskipun di pihak musuh yang telah menguasai tanah air mereka melakukan pembunuhan-pembunuhan kejam yang



Rakyat dari kampung-kampung badwi di seluruh negara Arab sedang dilatih melancarkan perang gerila di dalam pasukan tentera komando pembebasan bumi Palestin “al-Fatah” (Gambar dipetik dari *Nidā’ al-Janūb*)

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah telah.

### Suara Komando...

terkeluar dari sifat perikemanusiaan terhadap bumiputera Palestin yang tidak berdosa. Dengan menunjukkan sifat-sifat kekejaman yang luar biasa itu mereka tidak akan dapat mempengaruhi jiwa dan menundukkan pejuang-pejuang kita daripada meneruskan cita-cita sucinya untuk membebaskan seluruh bumi Palestin dan mengembalikan hak-hak mutlak mereka yang telah dirampas itu.

#### Wahai Umat Islam!

Wahai kaum Muslimin yang berada di seluruh benua dan negeri! Sesungguhnya

“Komando Pembebasan Kebangsaan Palestin” (al-Fatah), adalah suatu pucuk pimpinan “perang jihad” seluruh rakyat Palestin, ia membaharui zaman perjuangan umat Islam bagi meneruskan “perang jihad” terhadap lanun-lanun Zionis Yahudi untuk membebaskan setiap inci dari “bumi suci Islam”. Perjuangan-perjuangan jihad yang dilancarkan itu adalah mengandung tujuan-tujuan suci seperti berikut:

Meskipun pada zahirnya soal Palestin yang telah memuncak dengan hebatnya itu merupakan soal yang bersangkutan dengan rakyat Palestin yang sekarang

mereka sedang mati-matian berjuang untuk membebaskannya, tetapi pada hakikatnya soal ini adalah merupakan soal bangsa Arab dan seluruh umat Islam sedunia yang mana mereka sewajibnya memberikan bantuan-bantuan material dan moral kepada para mujahidin Palestin yang sedang melancarkan semulia-mulia “perang jihad” menentang musuh-musuh Islam dan kaum Muslimin.

2. Bahawa pengakuan-pengakuan yang kami harapkan dari seluruh negara-negara Islam ialah pengakuan di dalam semua lapangan dengan tidak ada batasan, dan dengan amanah kami meminta mereka memberikan pendapat-pendapat secara berterus-terang dan berani, tanpa ragu-ragu kami mengatakan: “Kami dengan penuh harapan, meminta kepada seluruh negara-negara Islam berkecimpung bersama-sama dengan kami dalam perjuangan menentang gergasi-gergasi Zionis Yahudi serta memerangi mereka seperti kami memerangi mereka di bidang politik, ekonomi, diplomasi dan propaganda; dan jika perlu di lapangan ketenteraan.

3. Sesungguhnya “Komando Pembebasan Kebangsaan Palestin” (al-Fatah), adalah menjadi pusat pucuk pimpinan perjuangan seluruh rakyat Palestin dengan memastikan (membuktikan) dari sejak ia ditubuhkan bahawa perjuangan-perjuangan yang dilancarkan oleh “Komando” ini tidak ada berkaitan dengan soal-soal dalam negeri bagi sebuah negara Arab, dan pihak “komando” ini tetap mengharapkan agar sesebuah negara Arab tidak campur tangan dalam sesuatu gerakan yang dilancarkannya, begitu pula pihak “Komando” meminta agar kebebasan bergerak dan mengambil



Lihatlah bagaimana kejamnya pihak yang berkuasa tentera Yahudi mengusir rakyat Palestin dari tanah air mereka yang dirampas oleh orang-orang Yahudi. (Gambar dipetik dari *Nidā' al-Janūb*).



## Suara Komando...

sesuatu tindakan untuk menunaikan kewajipan membebaskan Baitul Maqdis biarlah diperjuangkan oleh rakyat kami yang terdiri dari para mujahidin dengan bantuan saudara-saudara kami kaum Muslimin dari seluruh dunia.

4. Bahawa Palestin adalah bumi Arab yang dimiliki oleh rakyatnya yang terdiri dari orang Arab Palestin. Oleh itu kami menolak segala keputusan-keputusan dan pengakuan-pengakuan yang dikeluarkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan Majlis Keamanan Antarabangsa dan selain dari keduanya dalam soal pembahagian (negara Palestin – P.) yang tidak adil yang dikeluarkan pada tahun 1947, dan keputusan Majlis Keamanan yang dikeluarkan pada 22 haribulan November tahun 1967; begitu pula kami menolak segala apa yang dinamakan “Rancangan Menciptakan Perdamaian”. Walau dari sumber mana tempat keluarnya.

5. Sesungguhnya sidang kemuncak yang diadakan oleh empat kuasa besar bagi mencari keseimbangan apa yang dinamakan “Krisis Timur Tengah” dan segala apa yang dikeluarkan oleh sidang tersebut berupa keputusan-keputusan atau pengakuan-pengakuan adalah dianggap campur tangan secara terang-terangan di dalam urusan-urusan rakyat kami, semuanya ini kami tolak dengan sekeras-kerasnya.

6. Bahawa “Komando Pembebasan Kebangsaan Palestin” (al-Fatah), memperhatikan dengan teliti perubahan-perubahan pokok (radikal) yang datangnya dari pendapat umum antarabangsa bagi

kebaikan masalah perjuangan kami yang adil dan ia (Komando) mengharapkan pendapat umum antarabangsa itu lebih memahami akan tujuan matlamat perjuangan rakyat kami yang bercorak perikemanusiaan itu.

7. Sesungguhnya “Komando Pembebasan Kebangsaan Palestin” (al-Fatah), menolak dengan keras segala corak fanatik perkauman dan tidak menaruh perasaan benci terhadap golongan orang-orang Yahudi Palestin yang terpaksa tunduk di bawah kekuasaan Zionis Yahudi antarabangsa, sedang mereka itu menganggap bahawa pembebasan bumi Palestin dari penjajahan Zionis pada hakikatnya adalah merupakan pembebasan golongan puak Yahudi sendiri.

## Wahai Umat Islam!

Wahai kaum Muslimin yang berada di seluruh benua dan negeri! Jika sekiranya pergerakan Zionis di seluruh dunia yang di belakangnya berdiri negara-negara penjajah Israel menghulurkan bantuan-bantuan yang menyebabkan kedudukan Israel bertambah kuat bagi mengekalkan kezaliman-kezaliman di dataran bumi kami yang suci, maka kami seluruh rakyat Palestin berharap kepada kaum Muslimin yang berada di seantero dunia akan turut sama memikul tanggungjawab yang penuh menolak malapetaka dan agresi-agresi permusuhan yang didatangkan oleh Zionis Yahudi terhadap negara-negara Islam (khususnya negara-negara Islam yang terletak di Timur Tengah – P.) Oleh yang demikian itu, maka “Komando Pembebasan Kebangsaan



Selepas daripada menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Omar di Baitul Maqdis orang Islam di sana telah mengadakan suatu perarakan tunjuk perasaan secara besar-besaran menentang kezaliman tentera-tentera Israel menangkap dan membunuh rakyat Palestin yang tidak berdosa. (Gambar dipetik dari *al-Bilād*).

### Suara Komando...

Palestin” (al-Fatah) suka membentangkan beberapa pelan atau rancangan-rancangan seperti berikut:

1. Membentuk sebuah “badan-badan kebajikan Islam bersatu bagi membantu Palestin”. – badan-badan yang dicadangkan ini hendaklah dibentuk di seluruh negara-negara Islam – tugasnya mengumpulkan wang dan bantuan-bantuan yang dihulurkan oleh orang-orang Islam untuk dipersampaikan kepada para mujahidin Palestin demi untuk meneruskan perang jihad terhadap penjajah Zionis Yahudi.

2. Badan-badan tersebut hendaklah membentuk satu “badan pusat” yang mempunyai markas tertinggi di dalam salah sebuah negara-negara Islam. Badan pusat ini hendaklah mengadakan perhubungan-perhubungan yang rapat dari suatu masa ke suatu masa dengan badan-badan tempatan bagi memperkemas tugas usahanya.

3. “Komando Pembebasan Kebangsaan Palestin” (al-Fatah) akan bekerjasama dengan badan-badan yang dicadangkan itu dengan membuka pejabat-pejabatnya di dalam negara-negara Islam sehingga membolehkan pihak “Komando” bekerjasama dengan badan-badan tempatan dengan cara memberikan maklumat-maklumat perjuangan rakyat Palestin yang sebenarnya bagi menangkis serta menjauhkan dakyah palsu dari komplot-komplot musuh serta memberikan penerangan-penerangan pendapat umum Islam tentang bahaya pencerobohan yang sedang berlaku di sekitar bumi suci Islam itu.

4. Badan pusat dan badan-badan tempatan di dalam negara-negara Islam,

hendaklah melancarkan suatu gerakan propaganda yang luas di seluruh negara-negara Islam dengan menggunakan alat-alat propaganda moden seperti surat khabar, radio, televisyen dan lain-lain lagi untuk memperluaskan pendapat-pendapat umum Islam dalam soal jihad demi untuk kepentingan perjuangan jihad yang sedang dilancarkan oleh rakyat Palestin.

5. Seluruh kaum Muslimin hendaklah memboikot (memulaukan) barang-barang buatan Yahudi yang sampai ke negeri-negeri mereka, lantaran setiap satu sen wang yang bayaran kerana pembelian barang-barang tersebut akan bertukar menjadi peluru yang akan menembusi dada-dada bumiputera mujahidin Palestin yang sedang melancarkan perjuangan sucinya itu.

6. Membukakan pintu sukarelawan berjihad dengan seluas-luasnya kepada pemuda-pemuda Islam yang ingin menunaikan kewajipan jihad agar mereka siap sedia pada bila-bila masa yang dikehendaki melangkah ke medan pertempuran, kiranya ada di antara angkatan penjajah antara-bangsa mengirinkan angkatan perangnya untuk memperlindungi pengkalan-pengkalan perangnya bagi memperkuat kedudukan *Zionist* Yahudi di bumi Palestin.

#### Wahai Umat Islam!

Wahai kaum Muslimin yang berada di seluruh benua dan negeri! Sesungguhnya perjuangan yang sedang dilancarkan oleh para mujahidin kami terhadap Zionis Yahudi antarabangsa di atas dataran bumi Israk dan Mikraj itu adalah perjuangan bagi menentukan masa depan rakyat Palestin yang terdiri daripada orang-orang Islam. Maka oleh yang demikian

berkewajipanlah di atas seluruh umat Arab dan kaum Muslimin turut sama bersedia dengan secukupnya untuk berjuang bersama-sama kami dengan iman dan semangat yang luhur untuk menentang malapetaka yang ditimpakan oleh Zionis Yahudi yang durjana ke atas tempat-tempat suci dan ke atas negara-negara Islam kita. Maka malapetaka ini akan membawa kepada terancamnya akidah, kemajuan dan sejarah kita umat Islam, sebagaimana juga terancamnya taraf hidup dan masa depan kita, malapetaka ini tak mungkin dihadapi dan dihapuskan melainkan dengan perjuangan jihad mengangkat senjata dengan bantuan dan pertolongan dari seluruh rakyat dari negara-negara Arab dan Islam yang berada di seantero dunia.

Tema perjuangan kami:

**“Berjuang Hingga Menang”**

**“Komando Pembebasan Kebangsaan**

**Palestin”** (al-Fatah)

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah IV

***GABNOR dan  
HAKIM***

sa-buah 60 sen.

belanja Pos 10 sen.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah V

**DUSTA YAHUDI**

Harga 40 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kepada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.





## Di Mana Tempat Perlindungan...

jiwa seorang kanak-kanak itu mudah dilentur dan senang dicorakkan dengan apa juga bentuk pendidikan yang mereka mahu, lantaran kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 6 tahun itu jiwa mereka masih bersih bak sehelai kain putih yang belum dicorat-caritkan dengan sebarang warna. Dalam masa 2 tahun itu sudah cukup buat mereka mewarnakan hati seorang kanak-kanak dengan apa warna yang mereka sukai dan melentur jiwa mereka dengan apa bentuk yang telah mereka rancangkan, dengan tujuan apabila kanak-kanak itu telah meningkat ke umur 6 tahun, dengan sendirinya kemahuan jiwa mereka ingin untuk meneruskan pelajaran rendah, menengah dan seterusnya ke peringkat tinggi dalam kumpulan sekolah-sekolah tempat mereka mulai mengenal huruf “A.B.C.”

### Hanya Indah Di Luar:

Inilah di antara sebab-sebab mengapa “*missionary-missionary* Kristian” yang berada di dalam sesebuah negara Islam itu berperilaku benar mendirikan kompleks-kompleks<sup>2</sup>. Sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya maktab-maktab pengajian tinggi berbentuk universiti dengan mengeluarkan perbelanjaan-perbelanjaan yang begitu banyak? Kerana mereka sudah dapat meramalkan bahawa ibu bapa Muslim yang telah merasa terhutang budi dengan pendidikan-pendidikan moden yang telah diterima oleh anak-anak mereka di *kindergarten-kindergarten* Kristian itu meninggalkan kesan yang mendalam di jiwa anak-anak mereka di lapangan pelajaran dan pendidikan secara baharu yang berdisiplin dan sangat menarik itu. Mereka sudah dapat mengagak walaupun kanak-kanak itu sendiri tidak bersuara meminta kepada ibu bapa mereka untuk melanjutkan pelajaran-pelajaran mereka dalam sekolah-sekolah yang didirikan oleh “*missionary-missionary* Kristian” itu,

maka ibu bapa mereka sudah tentu berminat besar untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah tersebut.

Hal ini adalah sangat mendukacitakan setiap hati orang-orang Islam yang benar-benar cintakan Islam dan tidak mahu melihat anak-anak mereka terpesong dari akidah kepercayaan agama yang mereka anuti. Tetapi kebanyakan daripada ibu bapa Muslim pada hari ini tidak mahu menyedari akan hal ini; mereka mudah terpengaruh dengan melihat keindahan-keindahan disiplin, cara-cara pendidikan moden yang dipamerkan melalui sekolah-sekolah “*missionary-missionary* Kristian” itu tanpa mengkaji dan menyelidiki intisari-intisari pengajaran palsu yang disembunyikan di sebalik disiplin-disiplin moden yang hanya indah di luar, sedang di dalamnya penuh dengan cita-cita *façade*, keruntuhan moral dan penyelewengan-penyelewengan akidah yang akan menyesatkan generasi-generasi Muslim angkatan baru, tegasnya mereka hanya mementingkan kulit dari isi.

Akibatnya segala apa yang mereka harap-harapkan selama ini, menjadi sesia belaka; bibit yang mereka tanam, mereka jaga pelihara, sirami hari demi hari, akhirnya mengeluarkan buah-buahan yang busuk berulat. Pada lahirnya buah-buahan yang keluar dari pohon-pohon yang subur menghijau itu kelihatan matang dan segar-pugar, tetapi manakala dibelah, isinya penuh dengan ulat-ulat yang meloyakan anak tekak dan ditolak oleh nafsu.

### Peranan Taman-taman Asuhan:

Setiap ibu bapa Muslim haruslah ingat! Sesungguhnya “taman-taman asuhan” atau “*kindergarten-kindergarten*” yang didirikan oleh sesuatu bangsa itu mempunyai peranan utama bagi membentuk jiwa seorang kanak-kanak sebagai perintis jalan sebelum mereka memasuki sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah. Taman-taman asuhan itu merupakan sekeping tanah

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah kompleks-kompleks.

### Di Mana Tempat Perlindungan...

yang subur, yang mana di atas tanah itulah ibu bapa menaburi bibit-bibit yang dilepaskan dari genggamannya. Apabila bibit itu tumbuh mercup dengan suburnya, ia akan dipindahkan ke tanah yang lebih besar, dicangkul, dibaja kemudian disirami dengan air-air yang bersih setiap hari. Manakala bibit-bibit yang disirami tadi, hari demi hari hidup subur, membesar dan merimbun, ia akan mengeluarkan buah-buahan yang segar mekar, akhirnya ia akan matang dan ranum. Pada ketika itu tibalah masanya buah-buahan itu dipetik. Kalau asal bibit yang ditanam itu baik, diolah dan dijaga dengan sempurna, maka sudah pasti ia akan menghasilkan buah-buahan yang enak dan lazat cita rasanya, tetapi jika asal bibit itu dari jenis yang kurang baik, ditambah pula tidak dijaga dengan rapi, nescaya ia akan mengeluarkan buah-buahan yang tidak mekar, masam, berulat dan sebagainya.

Begitulah perbandingan munculnya generasi-generasi angkatan-angkatan baharu di lapangan ilmu pengetahuan, arena-arena politik untuk memasuki gelanggang hidup bermasyarakat di alam wujud ini. Yang sentiasa kita harap-harapkan, jika bibit-bibit yang kita semai itu bibit-bibit yang berjenis baik, bibit-bibit yang keluaranya dari masyarakat Islam, biarlah yang tumbuh itu pohon-pohon rendang yang bakal menghasilkan buah-buahan yang baik, yakni generasi-generasi Muslim yang benar-benar berjiwa Islam, bertabiat Islam, berakhlak Islam dan berakidah Islam. Janganlah bibit yang baik itu menghasilkan buah-buahan yang buruk dan berulat. (Ibarat kata pepatah Melayu: "Padi ditanam,alang yang tumbuh" – P.)

### Menuju Ke Pangkal Rebung:

Pengembang-pengembang agama Kristian itu telah mengkaji dengan sedalam-dalamnya, jiwa orang-orang Islam dan akidah kepercayaan yang mereka anuti. Maka untuk menarik mereka keluar daripada akidah Islam yang sebenarnya memang susah, ia tak mungkin dijalankan dengan secara terang-terangan; meskipun demikian daya usaha ke jurusan ini mestilah mereka laksanakan dengan langkah yang cermat dan berhati-hati, kalau tidak cita-cita mereka untuk mengoyakrabakkan "akidah Islam" dan memecahbelahkan kepercayaan orang-orang Islam terhadap agamanya pasti akan gagal.

Kalau begitu mereka mestilah menuju ke pangkal rebung yang masih lembut dan mudah dilentur menurut bentuk yang mereka sukai. Tegasnya mereka mestilah masuk menyeludup ke dalam masyarakat kanak-kanak Islam yang masih mentah bak rebung yang baharu muncul dari pangkal terasnya. Teras akan terpesona melihat anaknya si rebung digosok, dibelai dengan begitu mesra; ia terpengaruh dengan sikap kasih sayang yang berpura-pura yang ditunjukkan oleh orang yang ingin membentuk anak-anak rebungnya itu menjadi batang-batang buluh yang lurus, lancip, dan indah dipandang mata. Tidak disedarinya bahawa keindahan buluh yang diusap dan diurut oleh tangan-tangan yang lemah gemalai tetapi bernoda itu akan menghilangkan keasliannya yang semula jadi.

Hanya ini sahajalah satu-satunya cara yang lebih berkesan yang mesti mereka laksanakan dengan sabar dan waspada. Gara-gara dari ibu bapa Muslim sendiri tidak menyedari akan tipu muslihat yang dijalankan oleh musuh-musuh Islam dengan secara halus dan licin ini, dengan tidak secara langsung lidah mereka menari-menari memuji keindahan sistem pelajaran yang didapati di dalam sekolah "missionary Kristian", hati

### Di Mana Tempat Perlindungan...

mereka melonjak-melonjak kegirangan melihat anak-anak mereka yang baharu dalam lingkungan usia 6 atau 7 tahun itu sudah pandai “*speaking English*”, sudah mulai fasih bertutur bahasa Barat; apabila umur kanak-kanak itu meningkat 10 atau 12 tahun, mereka sudah tidak betul lagi berbahasa ibundanya sendiri; lidah-lidahnyanya kelu bergulung-bergulung dan dialognya sengau menghidung. Inilah yang menjadi satu kebanggaan kepada setengah-setengah golongan ibu bapa Muslim yang tak sedarkan diri. Dan cara inilah yang dijalankan oleh pengembang-pengembang agama Kristian yang telah diberikan kesempatan hidup dengan bebas di kebanyakan negara-negara Islam, sehingga mereka telah berjaya mempengaruhi jiwa generasi-generasi Muslim angkatan baharu. Hasilnya sebahagian besar dari pemuda-pemudi Islam di hari ini telah liar daripada mempraktikkan ajaran-ajaran agama yang diwajibkan ke atas mereka.

Maka besarlah sudah pemuda-pemudi Islam yang telah menerima asuhan dan pendidikan-pendidikan dari sekolah-sekolah “*missionary* Kristian” itu di dalam suatu masyarakat yang berlainan sekali dengan masyarakat ibu bapa dan kaum keluarga mereka sendiri. Mereka hidup di dalam suatu masyarakat “atas pagar” yang bukan bercorak Barat dan tidak pula berbentuk Timur, jauh sekali kalau dikatakan “masyarakat Islam”. Kini mereka hidup di alam imaginasi diayuni khayalan-khayalan yang tidak mempunyai sesuatu tujuan hidup. Apabila seseorang Islam yang tercebur ke dalam perangkap musuh di dalam imaginasi ini, maka hidupnya sudah serupa dengan mati, ia sudah menjadi sebagai bangkai bernyawa terumbang-ambing ke sana dan ke mari, berenang di dalam sebuah lautan samudera yang tiada bertepian.

### Emosi Penentangan:

Ketika pakar-pakar ilmu jiwa memperkatakan tentang kehidupan seorang kanak-kanak dalam pusingannya yang pertama – berumur antara 2 hingga 5 tahun – yang mana pada ketika itu ia sudah mulai ingin memberontak untuk melepaskan diri dari pelukan ibunya, maka kanak-kanak itu sudah mempunyai kemahuan untuk meniru-niru perbuatan yang dilakukan oleh abang atau kakaknya, pada saat itu jiwanya sudah berminat untuk bermain-main dengan sesiapa sahaja yang suka melayaninya bermain, emosi “penentangan” mulai hidup di nubarinya, jangan sesiapa yang hendak cuba menghalang kemahuannya, ia akan bertindak kasar, kalau kemahuannya itu terus dihalangi juga, ia akan menangis, meraung dan menjerit dengan sekuat-kuat suaranya, hanya inilah senjata yang dipergunakannya untuk menentang sesiapa sahaja yang mahu mencegah perbuatan yang dilakukannya.

Di samping emosi “penentangan” yang mulai tertanam di jiwanya itu, emosi-emosi “penakut” dan “perajuk” juga mulai mempengaruhi segenap perasaan batinnya. Oleh itu kanak-kanak yang berada di dalam lingkungan usia 2-5 tahun ini, janganlah selalu dipertakut-takutkan, (dengan hantu atau benggali toncit penjual susu atau apa sahaja menjadikan kanak-kanak itu berperasaan gerun – P.), kerana perbuatan-perbuatan yang serupa ini akan meninggalkan kesan buruk di jiwa seorang kanak-kanak yang menyebabkan semangatnya lemah; apabila ia besar kelak, ia akan menjadi seorang pemuda atau pemudi yang bersifat pengecut, tak berani menentang sesuatu yang dianggapnya lebih kuat dan lebih gagah daripadanya.

Selain dari itu kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan tersebut di atas, sudah mulai berani mengemukakan sesuatu pertanyaan terhadap kedua ibu

## Di Mana Tempat Perlindungan...

bapa atau keluarganya di rumah; kadang-kadang pertanyaan-pertanyaan itu timbulnya dari tabiat semula jadinya suka berleter dan kadang-kadang pertanyaan-petanyaan yang dikemukakannya itu benar-benar ingin mengetahui sesuatu perkara yang belum diketahuinya, umpama ia bertanya, dari mana ia datang dan bagaimana pula ia dibesarkan?(\*)

### Fikiran dan Pendapat Dari penterjemah:

(Apabila emosi “penentangan” mulai timbul dari jiwa seorang kanak-kanak dan manakala kanak-kanak itu mulai berani mengemukakan sesuatu pertanyaan terhadap kedua ibu bapa dan keluarganya di rumah, maka itu menandakan jalan pemikirannya mulai subur, inisiatif cara berfikir sudah mulai hidup di saluran otaknya. Mulai dari saat inilah ibu bapa dan para pendidik mesti bersikap toleransi (bertolak ansur) bagi melayani segala pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh kanak-kanak itu. Jawablah pertanyaan-pertanyaan itu secara logik berdasarkan kenyataan dan ilmiah, lantaran segala jawapan-jawapan yang diterima oleh kanak-kanak itu meninggalkan kesan yang mendalam di jiwanya. Kalau jawapan-jawapan yang diterimanya itu benar-benar berdasarkan kenyataan dan ilmiah, maka akan hiduplah fikiran kanak-kanak melalui saluran-saluran pemikiran yang berdasarkan hak dan kebenaran, tetapi kalau jawapan-jawapan yang diterimanya itu salah tidak berdasarkan kenyataan dan ilmiah, maka saluran pemikiran yang sedang mulai tumbuh subur itu akan menyeleweng dari dasar hak dan kebenaran, akibatnya akan membahayakan masa depan kanak-kanak itu; apabila umurnya telah meningkat remaja kelak ia tidak akan dapat

menggunakan otaknya untuk memikirkan sesuatu yang berdasarkan hak dan kebenaran, dan seterusnya apabila ia telah melangkah masuk ke alam dewasa, ia akan menjadi seorang pemuda atau pemudi yang bertabiat liar, tidak tahu menerima sesuatu yang hak dan benar, tidak berani menghadapi sesuatu kenyataan yang terbentang di hadapan mata kepalanya. Akibatnya ia akan menjadi pemuda-pemudi yang tidak sanggup berjuang untuk mempersembahkan sesuatu bukti yang boleh menjadi satu kebanggaan kepada agama, bangsa dan tanah airnya, atau paling kurang terhadap masyarakat yang berada di sekelilingnya.

Oleh itu ibu bapa dan para pendidik seharusnya berhati-hati melayani setiap pertanyaan yang dikemukakan oleh seorang kanak-kanak yang inisiatif pemikirannya mulai hidup subur mencari hakikat di alam nyata. Asahlah otak kanak-kanak itu dengan memberikan keterangan-keterangan yang seimbang dengan fikiran-fikrannya yang baru bertunas itu, tetapi jangan lupa segala keterangan-keterangan yang diberikan itu mestilah logik dan berdasarkan kenyataan dan ilmiah – sebagaimana yang telah saya katakan di atas tadi – ini adalah suatu cabang pendidikan secara tidak langsung, tetapi sangat penting dilaksanakan oleh ibu bapa di rumah dan para pendidik (guru) di sekolah-sekolah.

Pepatah kita ada mengatakan: “Fikir itu pelita hati”. Hati manusia memang Tuhan jadikan dari seketul darah yang berwarna merah pekat kehitam-hitaman. Hanya fikiran yang waras sahajalah yang dapat menyulahi dan memberi cahaya sinaran yang terang-benderang kepada seketul “darah hitam” yang dinamakan “*qalb*” atau “hati” itu. Kalau ia tidak diberikan sinaran yang sewajarnya, maka ia akan tetap dengan bentuk asalnya merupakan

---

\*Dari buku “*Asas Kesihatan Jiwa*” oleh Dr. ‘Abd al-‘Azīz al-Qawṣī, muka surat (166).

## Di Mana Tempat Perlindungan...

seketul “darah yang hitam pekat” atau secebis “hati yang jumud beku”, secebis “hati yang mati” tidak ada kuasa bergerak. Manakala “hati” seseorang manusia itu mati, jumud dan beku, maka manusia yang mempunyai hati itu pada hakikatnya berupa seorang manusia mati jiwanya, mati semangatnya dan mati pula akal fikirannya.

Islam adalah satu-satunya agama di dunia yang lebih menitikberatkan soal “hati” dan “fikiran” yang telah dikurniakan khas oleh Tuhan kepada makhluknya yang berjenis manusia. Memang benar makhluk-makhluk yang lain juga ada dikurniakan-Nya hati dan fikiran (otak), tetapi hati dan otak yang diberikan kepada makhluk-makhluk yang lain itu hanya merupakan satu simbolik (Symbolic) yang hanya untuk melengkapkan alat anggota tubuh yang diciptakan. Hati-hati yang ada pada tubuh anggota haiwan tidak dilengkapi dengan emosi dan naluri yang boleh menimbulkan perasaan belas kasihan dan bertimbang rasa terhadap sesama makhluk yang sejenis dengannya. Otak-otak yang diletakkan dalam tengkorak kepalanya tidak diberikan daya usaha untuk berfikir. Ia hanya merupakan hati-hati yang beku dan otak-otak yang tandus.

Tetapi Tuhan tidak mahu hati-hati yang dianugerahkan-Nya kepada makhluk-Nya yang berjenis insan itu sama darjah dan *standard*nya dengan hati-hati yang diberikan-Nya kepada makhluk yang berjenis haiwan; lantaran Tuhan sendiri telah mengatakan dengan firman-Nya dalam surah al-Tin ayat (4): ((*Laqad khalaqā al-insāna fī aḥsani taqwīm*)).

Ertinya: ((Sesungguhnya Kami telah jadikan manusia itu sebaik-baiknya bentuk))

Yakni setiap anggota yang dijadikan-Nya pada tubuh

manusia itu ada keistimewaannya; lebih jelas lagi dari sehalus-halus anggota hingga sekasar-kasarnya ada faedahnya untuk manusia memproses kehidupannya sehari-hari di mayapada ini. Dari urat-urat saraf, bulu-bulu roma yang halus hingga ke kaki tangan dan tubuh anggota kasar yang tegap dan sasa, kalau kita kaji dengan teliti, kesemuanya ada faedahnya untuk manusia. Kalau tak percaya cubalah kaji dan analisislah satu persatu setiap alat yang dilengkapi Tuhan pada tubuh anggota manusia; nescaya tidak ada satu pun yang tidak berguna, tidak ada satu pun yang tidak mendatangkan faedah kepada manusia yang memilikinya.

Dalam pada itu kita tentu tidak dapat menafikan, bahawa di antara alat-alat anggota yang ada pada tubuh badan manusia itu, ada tingkatan dan darjatnya. Di antara alat anggota yang paling tinggi sekali darjatnya ialah “akal” dan “hati”. Oleh itu beberapa banyak kita dapati firman-firman Tuhan yang tercatat di lembaran kitab suci al-Qur’ān diakhiri dengan kalimah-kalimah kata yang menyuruh manusia mempergunakan akal fikirannya...

((*Afalā ta ‘qilūn?*)) – “Tidakkah kamu mempunyai

akal?”. ((*Li qawmin ya ‘qilūn*)) – “Bagi kaum yang

berakal”. ((*Fa hum lā ya ‘qilūn*)) – “Mereka tidak

berakal”. ((*La ‘allakum ta ‘qilūn*)) – “Mudah-mudahan

kamu berakal”. ((*Yā ūlī al-albāb*)) – “Wahai

orang-orang yang mempunyai akal!” dan seterusnya. Dalam

satu hadith pula Rasulullah (S.A.W) bersabda:

((*Al-Dīnu huwa al-‘aql, lā dīna li man lā ‘aqla lah*))

Ertinya: “Agama itu ialah akal, tidak ada agama orang-orang yang tidak mempunyai akal.”

Mengenai hati pula ada beratus-ratus ayat dalam al-Qur’ān memperkatakan tentang hati-hati manusia... ((*Li man kāna lahū qalb*)) – “ Bagi sesiapa yang mempunyai

### Di Mana Tempat Perlindungan...

hati”. ((*Man atā Allāha bi qalbin salīm*)) – “Sesiapa yang didatangkan Allah dengan hati yang suci bersih.”

((*‘Alā kulli qalbi mutakabbir*)) – “Atas tiap-tiap hati yang takabbur (sombong).” ((*Lahum qulūbun lā yafqahūna bihā*))

– “Bagi mereka itu hati-hati tetapi mereka tidak memahami dengannya” – ((*Fa innahā lā ta‘mā al-absāru wa lākin*

*ta‘mā al-qulūbu allatī fī al-ṣudūr*)) – “Sesungguhnya bukan penglihatan (mata) yang buta, tetapi yang buta ialah hati-hati yang di dalam dada.” ((*Qulūbun yawma ‘idhin wājifah*)) – “Hati-hati pada hari itu berdebar-debar”.

((*Wa lākin qasat qulūbuhum*)) – “Tetapi hati-hati mereka bertambah keras”, dan banyak lagi ayat-ayat lain yang memperkatakan tentang hati-hati manusia yang gelap, yang lembut, yang keras, yang beku dan sebagainya. Dalam hadith pula Rasulullah (S.A.W) ada bersabda yang maksudnya lebih kurang:

“Di dalam tubuh manusia ada seketul darah, kalau darah itu baik maka baiklah seluruh tubuh itu dan kalau darah itu rosak maka rosaklah pula seluruh tubuh itu. Ia (darah itu) tidak lain ialah hati.”

Dengan segala keterangan yang kita dapati dari ayat-ayat suci dan hadith-hadith Nabi di atas, ternyatalah bahawa “hati” dan “akal fikiran” itu mempunyai peranan yang penting sekali bagi manusia. Oleh yang demikian betapa perlunya setiap “hati” yang masih putih bersih dan setiap “akal” yang masih belum dapat dipengaruhi oleh anasir-anasir yang akan merosakkan kesucian dan kebersihannya itu, dijaga, dipelihara dan dipupuk dengan pengajaran agama Islam yang diturunkan oleh Penciptanya yang Maha Bijaksana, kerana kalau hati dan akal fikiran seseorang manusia itu sudah

rosak, tidak dapat memahami sesuatu yang benar dan hak, tidak dapat memikirkan mana yang baik dan mana yang batil, maka nilai, penghargaan dan kemuliaan manusia itu akan terus turun merosot ke tingkatan yang paling hina. Ini memang telah ditegaskan oleh Tuhan dalam al-Qur’ān surah al-Tīn ayat (5):

((*Thumma radadnāhu asfala sāfilīn*))

Ertinya: “Kemudian Kami kembalikan manusia itu kepada darjat yang serendah-rendahnya.”

Setelah manusia itu dijadikan Tuhan dalam rangka bentuk yang sebaik-baiknya, dilengkapi dengan alat-alat anggota yang teratur rapi, sehingga merupakan seindah-indah, secantik-cantik makhluk jika dibandingkan dengan makhluk-makhluk lain yang dijadikan Tuhan di muka bumi ini, kemudian dianugerahi-Nya pula kepada manusia itu dua keistimewaan yang tidak pernah dikurniakan-Nya kepada makhluk-makhluk yang lain iaitu secebis “hati” yang mempunyai inisiatif boleh mempertimbangkan antara yang baik dengan yang buruk, dan seketul “otak” yang mempunyai daya usaha berfikir, berkuasa memproses kehidupannya sehari-hari sehingga manusia itu menjadi suatu umat yang paling maju dan paling bertamadun dari makhluk-makhluk yang lain, setelah mereka itu dapat mempergunakan “hati” dan “akal fikiran” mengikut saluran-saluran yang telah diatur dan disusun dengan serapi-rapinya oleh Allah Maha Pencipta dan Maha Bijaksana.

Tetapi manakala manusia itu cuba hendak menyeleweng dari dasar-dasar hidup perikemanusiaannya, cuba hendak melarikan diri dari segala tanggung-jawab yang telah diamanatkan oleh Tuhan ke atas pundaknya, maka sudah pasti dan lambat-laun manusia-manusia dari golongan ini akan menemui kehancuran, segala keistimewaan, penghargaan dan kemuliaan yang telah dikurniakan



### Di Mana Tempat Perlindungan...

kepadanya itu akan ditarik kembali oleh Tuhan dan mereka lantas dilontarkan ke jurang kehinaan yang paling rendah, lebih rendah dari taraf dan darjat kehidupan makhluk yang berjenis haiwan. Benarkah begitu....

Dan apa buktinya? Bukti yang paling nyata sekali bacalah dan fahamilah sepotong firman Tuhan yang tercatat di lembaran kitab suci al-Qur'ān dalam surah al-A'rāf ayat (179):

((*Wa laqad dhara 'nā li jahannama kathīran mina al-jinni wa al-ins, lahum qulūbun lā yafqahūna bihā, wa lahum a 'yunun lā yubshirūna bihā, wa lahum ādhānun lā yasma 'ūna bihā, ulā'ika kā al-an 'āmi bal hum aḍall, wa ulā'ika humu al-ghāfilūn.*))

Ertinya: “Sesungguhnya Kami telah menjadikan untuk (isi) Neraka *Jahannam* kebanyakan dari jin dan manusia; bagi mereka (dikurniakan) hati-hati, tetapi mereka tidak mempergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah); bagi mereka mata, tetapi tidak mereka pergunakan untuk melihat (tanda-tanda kebesaran Allah); dan bagi mereka telinga, tetapi tidak mereka pergunakan untuk mendengar (perintah-perintah Allah dan larangan-larangan-Nya). Mereka itu seperti binatang, malahan lebih sesat (hina) lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.”

Selain dari ayat di atas bukti-buktinya dapat pula kita saksikan dari segi pergolakan dan sejarah hidup sesuatu umat manusia dari sejak ia mula dijadikan hingga ke zaman kita ini. Tidak ada pun satu golongan umat manusia yang kekal darjah kemuliaannya jika mereka melanggar tatasusila hidup berperikemanusiaan dan berani mencabar kekuasaan Allah *al-Khāliq*

*al-Makhlūq*. Setiap manusia – sama ada ia merupakan satu umat, satu kaum, satu masyarakat dan orang perseorangan (individu) – pasti akan mengalami tragedi-tragedi kehancuran yang menjadikan mereka jatuh tersungkur ke jurang kehinaan yang serendah-rendahnya.

Hanya sekian sedikit ulasan berupa satu pendapat ringkas dari penterjemah makalah ini, mengenai inisiatif “hati” dan “akal” yang memperbezakan antara makhluk Tuhan yang berjenis “haiwan” dengan makhluk-Nya yang berjenis “manusia”.

Semoga ada faedahnya untuk kita jadikan bahan-bahan pemikiran bagi menghadapi cabaran hidup di dalam sebuah dunia baharu yang serba-serbi moden, tetapi dipenuhi dengan tamadun-tamadun palsu yang menyesatkan setiap golongan umat manusia yang terpengaruh dengannya.)

Maka untuk melanjutkan bahasan, dalam makalah yang berharga ini, di ruangan majalah Qalam yang akan datang, penulisnya al-Ustādh Yusuf al-Azam akan membentangkan pendapat-pendapatnya yang lebih berkesan dan lebih logik dalam memperkatakan inklinasi (kecenderungan) jiwa seorang kanak-kanak dibidang *taqlīd* (imitasi) atau meniru-niru sesuatu perbuatan yang berlaku di hadapan matanya. – Ppenterjemah.

((Bersambung))

#### Makna hadith di muka kuliah:

Barang siapa mati dan tidak berjuang dan tidak pula membaharui jiwanya dengan perjuangan maka matilah ia di dalam golongan *nifāq* (orang yang bermuka-muka).

Hadith *sharīf*.

## Politik dan Kewartawanan

Selama dua hari iaitu pada 30 dan 31 haribulan *March* yang lalu “Seminar Penulis-penulis Wanita” anjuran akhbar *Utusan Malaysia* telah diadakan di Dewan Perkumpulan Perempuan Petaling Jaya dengan dihadiri oleh lebih kurang seratus orang penulis-penulis wanita yang datang dari negeri-negeri di seluruh Malaysia Barat dan Singapura.

Tiga buah kertas kerja yang dikemukakan oleh tiga orang tokoh wanita tanah air – iaitu Puan Senator Aishah Ghani, Cik Rafidah Aziz pensyarah Ekonomi Universiti Malaya dan Cik Siti Hawa Yatim guru Sekolah Menengah Inggeris Assunta Petaling Jaya – telah diperbincangkan dengan begitu hangat oleh peserta-peserta seminar.

Memandang kepada begitu kemas dan logiknya fikiran-fikiran, pendapat-pendapat yang dibentangkan oleh ketiga-tiga orang penulis kertas-kertas kerja itu di dalam kertas-kertas kerja masing-masing, maka majalah *Qalam* dengan penuh perasaan bangga akan menyiarkan isi kandungan setiap kertas kerja itu di ruangan “*Alam Wanitanya*” dengan harapan semoga segala buah fikiran dan pendapat-pendapat yang terkandung di dalam ketiga-tiga kertas kerja itu sekurang-kurangnya dapat dijadikan panduan oleh kaum wanita kita yang sedang menghadapi cabaran hidup di zaman baru ini.

Buat pertama kali, maka inilah kita kemukakan kertas kerja yang ditulis oleh Puan Senator Aishah Ghani yang bertajuk “**Politik dan Kewartawanan**” – P.

(Oleh: Puan Senator Aishah Ghani)

### Pendahuluan:

Saya meminta izin hendak menyimpang sedikit dari tajuk yang diberikan kepada saya oleh Cik Siti Zahrah Ibrahim – setiasaha seminar ini – iaitu “Politik dan Kewartawanan” sebabnya ialah tajuk itu terlalu umum. Saya bermaksud menulis mengenai perkara yang lebih berjejak kepada kehidupan kita sebagai kaum wanita. Saya telah bekerja juga sebagai wartawan selama beberapa tahun di samping bergerak dalam politik. Kemudian bila saya dapati, masa saya terlalu banyak diperlukan oleh pergerakan kaum ibu, saya pun berhenti menjadi wartawan. Sebelum itu, saya belajar di sebuah sekolah wartawan di London selama beberapa tahun. Seperti barangkali telah diketahui oleh puan-puan sekalian, ketika saya pergi ke England, saya boleh dikatakan tak faham langsung bahasa Inggeris. Yang demikian, terpaksa saya belajar bahasa Inggeris, untuk

# Alam Wanita

melayakkan diri saya masuk ke sekolah wartawan itu.

### Kenangan Di Zaman Lampau:

Saya mengenangkan semula pengalaman saya ini kepada puan-puan sekalian bukanlah kerana saya hendak mengangkat diri saya sendiri atau bermegah-megah. Jauh sekali. Sekadar maksud saya ialah kerana hendak menunjukkan kepada puan-puan bahawa kalau kita cekal dan tabah hati, kita boleh belajar dan kita boleh menuntut ilmu. Sifat ini penting sekali kepada kaum wanita kerana kitalah yang lebih mundur sekali. Kaum Melayu sudahlah mundur tetapi kaum wanita Melayu adalah paling mundur sekali.

Yang demikian, kalau bangsa Melayu mesti bercekal

## Alam Wanita . . .

dan mesti tabah hati seratus peratus untuk mengejar ilmu dan mencapai kemajuan, maka kaum wanita Melayu mesti bercekal dan mesti tabah hati dua ratus peratus dua kali ganda dari kaum lelaki.

Kalau kita tak cekal, kalau kita tak tabah hati, kita tidak akan pandai, dan kita tidak akan dapat mengejar ilmu dan mencapai kemajuan.

### Tabah Syarat Wartawan:

Salah satu lapangan hidup yang memerlukan kecekalan hati dan ketabahan yang luar biasa, ialah lapangan kewartawanan.

Menurut pengalaman saya, sedangkan orang-orang lelaki pun, ada yang patah di tengah jalan, dalam lapangan kewartawanan. Selama saya bekerja dengan akhbar *Berita Harian* dahulu, saya lihat, beberapa orang pemuda yang gagah, yang ada kelayakan, yang cukup pelajarannya, tak sampai lima tahun menjadi pemberita. Kemudian mereka berhenti, kononnya, tak tahan. Mereka tak tahan ditengking herdik oleh ketua pemberita. Mereka tak tahan ditengking oleh pengarang.

### Kisah Seorang Pemberita:

Ada seorang pemberita dulu yang saya kenal. Dia lulus universiti, dengan ijazah *Honours*. Gajinya besar, sesuai dengan kelayakannya. Tetapi kerana dia belum ada pengalaman sebagai pemberita, maka 'grednya' atau tarafnya dalam pejabat itu ialah sebagai "*cadet reporter*".

Puan-puan tentu tahu makna "*cadet reporter*" iaitu "calon pemberita". Dalam istilah perguruan, digelar "guru pelatih".



Puan Senator Aishah Ghani

Sebagai "*cadet reporter*", tentulah kerjanya mula-mula mengambil berita-berita mahkamah, menonton peraduan sukan, mengutip berita kemalangan jalan raya, pendeknya, berita-berita yang mudah-mudah, yang senang-senang.

Enam bulan lamanya, "*cadet reporter*" ini yang berijazah *Honours* dari universiti, membuat kerja mudah-mudah dan senang-senang seperti itu. Satu hari dia datang kepada saya; mengadukan nasibnya.

Mengapakah saya yang ada ijazah *Honours* dalam Pengajian Inggeris (*English Studies*) mesti ambil berita orang mati di hospital? Mengapakah saya tidak dibenarkan menulis rencana mengenai *arts* atau kesenian, mengenai pameran lukisan di Jalan Ampang? Itu lebih sesuai dengan kelayakan saya, kak", dia merintah kepada saya. Saya cuba menghiburkan hatinya dengan berkata bahawa sebelum menjadi pengarang, dia tentulah harus menjadi pemberita dahulu selama beberapa tahun. Saya menasihatkan dia supaya bersabar.

Tetapi dia mengeluh lagi. "Berita-berita yang saya buat kena conteng. Saya tulis panjang, mereka pakai cuma tiga empat *paragraph* sahaja. Kadang-kadang tak masuk langsung. Bahasa saya dibaiki, dibetulkan oleh sub-editor yang tak lulus Senior Cambridge pun. Tidakkah itu menghinakan?"

## Alam Wanita . . .

Saya menasihatkan dia supaya bersabar. Kata saya, bahasa surat khabar dengan bahasa yang dipelajarinya di universiti tak sama. Surat khabar, kata saya, menggunakan bahasa yang mudah difaham oleh orang ramai. Perkataan-perkataan yang tinggi, yang berbelit-belit tak sesuai untuk surat khabar, kata saya.

Tetapi pemuda itu bersungut lagi: “Saya kelmarin pergi menginterview doktor di *general hospital*. Berjam-jam saya menunggu di luar baharulah saya dijemput masuk. Dan di waktu itu rupa-rupanya kenalan saya di universiti dulu. Malu, kak, saya kerana menunggu berjam-jam lamanya itu.”

Saya memberitahu dia bahawa begitulah selalunya nasib pemberita. Kadang-kadang cepat dapat berjumpa menteri.

Kadang-kadang terpaksa menunggu berjam-jam lamanya di pejabat menteri, baharulah dapat berjumpa dengan menteri.

“Awak tak harus malu,” kata saya.

Tetapi dia berkata, dia tetap malu kerana dia kelulusan universiti B.A *Honours*.

Sebulan kemudian, dia berhenti. Baharu-baharu ini saya jumpa dia bekerja di sebuah kementerian, mempunyai pejabat sendiri yang berhawa dingin. Khabarnya dia tak lama lagi hendak menikah dengan seorang gadis yang juga seorang *graduate* (berijazah sekolah tinggi – P.).

Saya membawa kisah ini kerana hendak menegaskan sekali lagi syarat terpenting menjadi seorang wartawan iaitu cekal hati dan tabah hati.

### Penulis Berjiwa Penulis:

Menulis rencana atau sajak ataupun cerita pendek dalam majalah dan surat khabar-surat khabar belum lagi melayakkan kita bergelar seorang penulis.



Yang Berhormat En. Senu Abdul Rahman – Menteri Penerangan dan Penyiaran Malaysia – sedang berucap merasmikan pembukaan sidang “Seminar Penulis-penulis Wanita” yang diadakan selama 2 hari pada 30 dan 31 hari bulan *March* 1969 yang lalu bertempat “di Dewan Perkumpulan Perempuan” Petaling Jaya

(Gambar dipetik dari *Utusan Malaysia*)

## Alam Wanita . . .

Seorang penulis yang bergantung hidupnya seratus peratus pada hasil tulisan-tulisannya. Tak ramai wanita-wanita kita yang menggantung hidupnya seratus peratus kepada hasil-hasil tulisannya. Kebanyakan penulis-penulis kita – baik lelaki mahupun perempuan – ialah penulis-penulis sambilan sahaja.

Mereka mempunyai pekerjaan sendiri sebagai guru sekolah, kerani, dan sebagainya dan menulis rencana atau cerpen ataupun buku sekadar menambah pendapatan mereka sahaja.

Kalau penulis-penulis wanita kita menurut istilah yang saya katakan tadi amat kurang, maka wartawan-wartawan wanita kita malah makin kurang lagi. Tak sampai sepuluh orang wanita kita barangkali yang bekerja di *Utusan Melayu* ataupun di *Berita Harian*. Di surat khabar-surat khabar Inggeris, langsung tidak ada sama sekali.

### Wanita dan Sasterawanis:

Mengapakah demikian?

Wanita-wanita kita atau pemudi-pemudi kita, pada fikiran saya, lebih tertarik kepada lapangan sastera. Mereka lebih gemar menulis sajak, mereka lebih suka menulis cerita pendek dan rencana. Pendeknya, mereka lebih suka bergelar sasterawan.

Sebagai sasterawan, nama mereka dapat dijajarkan dengan nama-nama sasterawan lain yang terkenal (seperti): Keris Mas, Samad Said, Usman Awang, Salmi Manja, Wahab Ali, Kemala, Malungun dan lain-lain. Sebagai sasterawanis, mereka berharap dapat lebih banyak publisiti dalam majalah dan surat khabar. Untung-untung mereka apat membentuk angkatan sendiri, yang membawakan

fahaman baharu dan aliran baharu dalam sastera.

Karya-karya mereka – sajak-sajak atau cerpen-cerpen mereka – dikupas, diulas, dikritik, disanjung dan dipuja oleh kritikus terkenal dan nama-nama mereka tersiar dengan huruf-huruf besar dalam surat khabar-surat khabar dan majalah-majalah. Dengan lain perkataan, ada “*glamour*” (keindahan – P) menjadi sasterawan.

Barangkali saya tersilap membuat kesimpulan ini.

### Perbezaan Antara Wartawan dan Sasterawan:

Pemberita-pemberita jarang disebut namanya dalam surat khabar. Seminggu sekali kadang-kadang baharulah berita yang ditulisnya itu disiarkan beserta dengan namanya sekali. Baharulah dia dapat “bayi lain”. Tak ada kritikus atau ahli-ahli kritik sastera yang mengupas atau mengulas dan memuji beritanya. Malah kalau beritanya tak betul, dia diherdik oleh pengarangnya dan “didenda” dengan ditugaskan membuat kerja yang lebih berat atau dipotong “*off daynya*” (hari kelepasannya – p)

Yang demikian, dibandingkan dengan penulis dan sasterawan, bekerja sebagai pemberita tidak ada “*glamour*”. Lebih-lebih lagi menjadi penyunting atau sub-editor. Langsung tidak ada “*glamour*” padahal sebagai tenaga yang menggerakkan akhbar, “penyunting” ialah orang yang paling penting. Dialah yang membuat “*make-up*”, yang menapis berita, mengolahnya semula, hinggalah bahan-bahan mentah itu menjadi bahan bacaan kita pada keesokan harinya.

Pengarang akhbar juga tidak terkenal kecuali pengarang itu pandai betul atau seorang tokoh nasional. Seorang pengarang biasanya seorang “anonymous” – ertinya yang tak bernama.

## Alam Wanita . . .

Dia menulis tajuk rencana. Namanya tidak tersiar.

Dia membuat pojok, namanya tak tersiar. Dia membuat ulasan, namanya tak terisar. Dia mengarahkan berita supaya berita ini dibesarkan, berita itu dikecilkan, berita ini disingkirkan, berita itu disiarkan; pendeknya, tiap hari dia membuat putusan-putusan yang penting mengenai apa yang patut dimuat, apa yang tak patut dimuat dalam akhbarinya, dia menentukan dasar akhbarinya, tetapi semua kerjanya ini tak diketahui oleh pembaca.

Jawatan pun tak ada “*glamour*” kerana namanya – sebab orang tak tahu – namanya jarang disebut-sebut orang. Pembaca hanya menyebut nama surat khabarnya sahaja.

### Sasterawan dan Wartawan Sejati:

Saya sebutkan tiga perkara ini – sasterawan atau saterawanis, pemberita atau wartawan dan pengarang – kerana puan-puan sekalian di sini, saya rasa, lebih banyak menulis rencana, sajak, cerpen dan ulasan, tegasnya, puan-puan sekalian adalah penulis belaka.

Bukanlah maksud saya untuk mengatakan bahawa lebih mudah menjadi sasterawan daripada menjadi wartawan. Kedua-duanya lapangan itu adalah susah belaka. Menjadi sasterawan yang sejati sama susahya menjadi wartawan yang sejati. Kalau puan-puan ingin menjadi sasterawan, eloklah. Teruskanlah cita-cita itu. Tetapi ingatlah juga, bahawa menjadi sasterawan yang sejati, tak mungkin dalam setahun dua atau dalam empat lima tahun. Menjadi wartawan sejati pun begitu juga. Tak memadai hanya dengan bekerja setahun dua sahaja.

Kedua-dua lapangan itu memerlukan pengetahuan yang tinggi, ketabahan hati dan kecekalan yang kuat.

Sambil menjadi pemberita, kita mesti belajar lagi.

Sambil menulis sajak, kita mesti banyak membaca buku-buku tentang sastera dan sajak-sajak penyajak terkenal; sajak-sajak Inggeris, sajak-sajak Indonesia, sajak-sajak India dan sebagainya.

### Kurang Stamina:

Saya telah bercakap-cakap dengan pengarang-pengarang dan wartawan-wartawan yang terkemuka mengenai penulis-penulis angkatan muda kita sekarang; apakah kelebihan mereka, saya tanya; dan apakah kelemahan mereka.

Seorang sahabat saya yang telah berpuluh-puluh tahun memimpin bakat-bakat baharu berkata: “Mereka kurang stamina”. Makna ‘stamina’ ini ialah ‘tenaga’. Ertinya, mereka “tak tahan lasak”. Kata sahabat saya itu, penulis-penulis muda sekarang, cepat letih, cepat bosan, cepat putus asa, tetapi cepat mahu nama, cepat mahu dipuji.

Kelebihan mereka ialah mereka punya cita-cita tinggi. Semuanya mahu jadi Chairil Anwar Malaysia; semuanya mahu jadi HB Jassin; semuanya mahu jadi Keris Mas.

### Sifat Penulis-penulis Wanita:

Kalau mereka perempuan, kata sahabat saya itu lagi, sifat keperempuanannya, tak hilang; mereka cepat bersungut, suka berleter, manakala karangannya tak tersiar. Seperti orang perempuan juga, mereka cepat menyalahkan lelaki – iaitu pengarang – kerana tak mahu menyiarkan karangan mereka. Seperti orang perempuan sekali lagi, mereka tak mahu menyalahkan diri mereka sendiri. Mereka sahaja yang benar, yang betul; karangan mereka sahaja yang baik pertimbangan pengarang yang betul, tak benar.

Kaum ibu heboh mengenai soal nikah cerai, heboh membincangkan soal gaji sama, tetapi penyajak-penyajak

## Alam Wanita . . .

wanita kita menulis tentang keindahan alam; kaum wanita heboh mengenai soal gaji sama, cerpenis-cerpenis wanita kita sibuk menulis tentang percintaan teruna dan dara di kampungnya. Demikian sahabat saya itu mengatakan kepada saya.

### Kesimpulan:

Pengarang itu menganjurkan supaya wanita-wanita kita lebih banyak menerjunkan diri menjadi pemberita daripada menjadi penyajak dan cerpenis. Pendapatnya itu barangkali salah. Tetapi, pada fikiran saya, kalau kita nak tahu hidup rakyat dan pergolakan dalam masyarakat, mejadi pemberita ialah kedudukan yang baik sekali untuk mengenal masyarakat. Seorang pemberita diperlukan mendapatkan fakta; dia tak boleh berbohong; tak boleh mereka-mereka beritanya berdasarkan fakta-fakta dan maklumat-maklumat yang didapatinya. Dengan ini dia dilatih tiap-tiap hari, supaya mencari kebenaran. Dan ini adalah satu latihan yang baik sekali untuk menjadi seorang penulis. Penyajak yang dilatih untuk membuka matanya dan memasang telinganya, tidak akan menulis mengenai keindahan bulan purnama kalau di hadapan matanya, seorang ibu yang telah mempunyai sembilan orang anak diceraikan oleh suaminya. Seorang cerpenis yang dilatih sebagai wartawan untuk menegakkan fakta, tidak akan menulis sebuah cerita pendek dari khayalannya sahaja, kalau di hadapan matanya tiap hari terjadi drama-drama hidup yang menyayat hari, yang selalu menjadi bahan beritanya.

Kesimpulannya ialah gabungan dari dua lapangan ini – kewartawanan dan kesusasteraan – penulis dan pemberita, penyajak dan cerpenis di satu pihak

dan kewartawanan di satu pihak lagi, ialah sebaik-baik asas untuk puan-puan mencapai taraf penulisan yang lebih tinggi di masa hadapan.

Latihlah diri sendiri sebagai pemberita di samping melatih diri sebagai penulis.

### Rumusan-rumusan yang diambil dari

#### kertas kerja ini dalam

#### sidang 30.3.69

1. Penulis-penulis wanita hendaklah menumpukan perhatian mereka ke atas penulisan yang betul-betul seperti sebelum mereka berumah tangga, supaya perkahwinan tidak menjadi penghalang kegiatan penulis-penulis wanita.
2. Bahawa penulis-penulis wanita hendaklah mempelajari lagi tentang apa-apa jua hal supaya membaca lebih banyak novel-novel dan lain-lain bahan pengetahuan am.
3. Bahawa ada perbezaan antara sasterawan dan kewartawanan.
4. Penulis mestilah betul-betul cekap dalam kedua-dua lapangan wartawan boleh menjadi sasterawan, tetapi sasterawan sukar hendak menjadi wartawan.
5. Bahawa sifat-sifat dan kelayakan yang mesti dipunyai oleh seorang penulis ialah ketabahan, kecekalan dan mesti berani merempuh apa-apa jua kesulitan yang muncul, seperti menerima kritik dan cabaran dari semua segi. Misalnya; ada penulis-penulis yang telah ditawan kerana tulisannya, tetapi ia terus menulis buah fikiran mereka hingga berjaya.

#### Rumusan-rumusan ini dipetik dari:

*Utusan Malaysia* bilangan (182)

Keluaran 31 haribulan *March* 1969.





# KOPI PAHIT

Seorang ketua negara dikatakan pernah mengatakan bahawa orang-orang Islam Malaysia dan Indonesia adalah “*jungle Muslim*” (orang-orang Muslim hutan) dan orang-orang Arab adalah “*desert Muslim*” (Muslim padang pasir). Ini adalah merupakan kalimah-kalimah menghina orang-orang Islam, kerana ia pro Yahudi dan gurunya orang Yahudi.

\* \* \*

Islam dan politik – ini adalah pengertian orang Barat hendak memisahkan di antara ajaran Islam dan politik. Ajaran Islam meliputi – ibadah, masyarakat, pemerintahan – semua hukum-hukumnya termaktub di dalam al-Qur’ān. Untuk itu supaya ia berdaulat tentulah tidak dapat dipisah-pisahkan – baik dari semua segi hidup. Orang yang cuba memisahkannya adalah buta agama.

\* \* \*

Islam telah menentukan kedudukan kafir *kitābī* dan kafir *dhimmī* – dengan adil dan cukup layak. Dengan kerana itu mengapakah Islam dimomok-momokkan sebagai agama yang zalim dan tidak dapat bekerjasama dengan orang yang bukan Islam?

\* \* \*

Hidup dan mati seseorang Muslim itu adalah di dalam Islam. Untuk itu, maka diwajibkan ia berjihad untuk menegakkan hukum-hukum agamanya dengan harta dan dirinya. Jika kewajipan ini tidak dibuat, maka moleklah jangan mengaku dahulu jadi pengikutnya.

Persidangan Islam peringkat negeri telah bertukar kepada Persidangan Islam Antarabangsa. Sidang Islam Antarabangsa ini tentunya banyak keputusan yang diambil, tetapi janganlah hendaknya seperti persidangan-persidangan yang telah lalu, keputusan hanya tinggal keputusan sahaja – tidak dilaksanakan. Sebagai tuan rumah Malaysia mesti ingat, bahawa ia mustahak menjalankan keputusan-keputusan yang telah diambil dari persidangan tersebut.


\* \* \*

Perjuangan umat Arab Palestin tidak akan tamat selagi Şahyūnī (Zionis) berada di bumi Palestin. Ini adalah azam umat Palestin bersebab dari paksaan Amerika dan British menyerahkan tanah tumpah darah mereka kepada Şahyūnī dan menyebabkan penderitaan yang bukan alang kepalang kepada mereka sebagai orang-orang pelarian, di dalam mana harta benda mereka telah dirampas. Keadilan Tuhan tetap akan datang, tetapi bila? Yang mestinya wajiblah mereka berazam meneruskan perjuangan sehingga Yahudi keluar dari seluruh tanah Arab.

\* \* \*

Kita kerap kali menyebarkan berita-berita tentang hartawan-hartawan Islam menderma, terutama negeri-negeri yang kaya dengan hasil-hasil minyak. Derma-derma mereka itu melimpah-limpah untuk sesuatu yang bersifat Islam di luar negerinya, tetapi ada di antara negeri di kawasan tanah air kita yang kaya dengan minyak tetapi “bakhil” daripada berderma untuk sesuatu mengenai Islam di luar negerinya. Apakah ia melupakan nikmat yang diberi Allah? Kalau nikmat itu ditarik Tuhan apakah akan jadinya? Kita hanya memberi ingat sahaja!

– Cemeti al-Farouk.



Yang Mulia Tuan Syed Nasir bin Ismail sebagai Pengurus Jawatankuasa Penubuhan Universiti Kebangsaan sedang berucap di dalam Kongres Penubuhan Universiti

Kebangsaan yang telah diadakan di Dewan Canselor Universiti Malaya dengan dihadiri oleh Yang Berhormat En. Mohamed Khir Johari – Menteri Pelajaran – pada bulan yang lalu.